



اَوْنَبُوْ سَيِّدِيْ تَيْكُوْ لُوْ كِيْ مَبَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

**TEMUBUAL MENGENAI SEJARAH KAMPUNG POGOH, SEGAMAT JOHOR BERSAMA
ENCIK HAJI ISWADI BIN AHMAD**

Oleh:

Nur Syafiqah Binti Zaili

2016648678

Sharifah Fatimah Binti Syed Mohamed

2016648622

**Projek dimajukan kepada Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA, Kampus Segamat, Johor**

**Bagi memenuhi keperluan kursus
IMR 604 – Pendokumentasian Sejarah Lisan**

Semester 05 (Sept 2017 – Jan 2018)



ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN

ABSTRAK

1.0 PENGENALAN.....	1-8
2.0 TRANSKRIP WAWANCARA.....	8-58
3.0 LOG WAWANCARA.....	59-64
4.0 BIODATA TOKOH.....	65
5.0 BIODATA PENEMUBUAL.....	66-67
6.0 SENARAI SOALAN WAWANCARA	68-75
7.0 RALAT.....	76
8.0 SENARAI RUJUKAN.....	76
9.0 NAMA SINGKATAN.....	77
10.0 KRONOLOGI.....	78-79
11.0 LAMPIRAN.....	80-86
INDEKS.....	



PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah. Terlebih dahulu, kami ingin memanjatkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah s.w.t yang telah memberikan rahmat dan kesihatan yang baik kepada kami dan dengan izin-Nya juga kami dapat menyiapkan tugas berkenaan penulisan transkrip untuk subjek IMR 604 – Pendokumentasian Sejarah Lisan yang diberikan ini dengan jayanya pada masa yang telah ditetapkan.

Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah kami bagi subjek IMR 604 – Pendokumentasian Sejarah Lisan, iaitu Encik Zul Azmi bin Ishak yang banyak memberi pertolongan dan tunjuk ajar serta panduan yang bermanfaat dicurahkan kepada kami bagi memastikan tugas kami memenuhi kehendak projek kursus. Beliau juga telah memberikan banyak tunjuk ajar, galakan dan maklumat kepada kami. Ini secara tidak langsung dapat membantu dan memudahkan kami untuk menyelesaikan tugas ini. Tanpa pengawasan dan juga bimbingan dari pihak beliau, kami pasti berhadapan dengan pelbagai masalah dan tentu begitu sukar untuk kami menyiapkan tugas ini dengan sempurna.

Tidak dilupakan juga, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa kami yang telah banyak memberikan sokongan moral, doa dan nasihat yang tidak putus-putus dari jauh. Setinggi-tinggi penghargaan juga ingin kami tujukan kepada Encik Hj Iswadi bin Ahmad yang menjadi pengkisah dalam penulisan transkrip kami ini. Beliau telah memberikan banyak maklumat dan juga kerjasama yang begitu baik sekali kepada kami semasa temuduga sekaligus memenuhi keperluan subjek ini. Dengan maklumat lengkap yang telah diberikan oleh beliau, secara tidak langsung ianya memudahkan kami untuk menyelesaikan penulisan transkrip kami. Sesungguhnya kami sangat menghargai jasa beliau dalam membantu kami menyelesaikan tugas ini. Akhir sekali, sekali lagi kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah, rakan-rakan dan semua yang telah terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu kami. Allah sahaja yang dapat membalas jasa anda sekalian.

Sekian, Terima Kasih.



ABSTRAK

Abstrak: Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Hj Iswadi bin Ahmad mengenai sejarah Kampung Mukim Pogoh dan sedikit sebanyak maklumat mengenai diri dan keluarga Encik Hj Iswadi dan penglibatan beliau dalam mengetuai kampung sebagai Ketua Kampung Mukim Pogoh. Transkrip temubual ini dijalankan di pejabat beliau di Triple I Enterprise, No 3, Medan Selera Pelangi, Taman Pelangi, Segamat, pada 17 December 2017, bermula pada jam 4.22 petang. Transkrip ini juga menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau dalam mengendalikan kampung, malahan dari segi sejarah yang berkisar di sini juga turut disentuh dan ternyata sejarah di Kampung Mukim Pogoh ini banyak sejarah yang menarik dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan dan pelaksanaan yang teratur oleh jawatan tertinggi. Malahan, harapan yang teramat tinggi oleh ketua kampung untuk menaik taraf lagi kemudahan infrastruktur di Kampung Pogoh bagi keselesaan penduduk kampung serta menyatupadukan masyarakat kampung di situ.

Kata kunci: Kampung Mukim Pogoh, Hj Iswadi bin Ahmad, Pogoh Tengah, JKK Kampung, Panglima Pasak.



PENGENALAN



1.0 PENGENALAN

Di Malaysia, serupa juga di negara-negara lain, cerita-cerita dan pengalaman zaman lampau akan lenyap ditelan zaman. Lebih-lebih lagi pada masa sekarang di mana manusia boleh berhubung dengan cepat melalui telefon, faks, email atau bersua muka, tradisi menulis surat-surat yang panjang, penyimpanan catatan-catatan harian dan persediaan memo yang lengkap sudah menjadi kurang penting. Dalam keadaan seperti ini, Sejarah Lisan boleh menentukan supaya tidak semua perkembangan ini dilupai atau hilang sebagai bukti sejarah.

Satu daripada kelemahan yang besar di dalam usaha untuk menulis semula sejarah Malaysia ialah kekurangan sumber-sumber sejarah yang asal. Misalnya, bagi sejarah negeri-negeri Melayu. Cuma beberapa negeri sahaja yang mempunyai sumber-sumber asli yang berkaitan dengan perkembangan sejarah negeri tersebut, tetapi itupun hanya terhadap kepada kurun yang ke-19 sahaja. Masalah ini lebih serius kerana di Malaysia tidak terdapat satu tradisi menyimpan catatan harian, menulis dokumen-dokumen yang lain atau menulis riwayat hidup dimana ramai rakyat Malaysia yang kurang pencerahan mengenai betapa pentingnya sejarah. Di dalam hal ini, Sejarah Lisan boleh memainkan peranan yang besar dalam memelihara dan menambahkan sumber-sumber yang ada untuk Sejarah Malaysia di abad ini.

Di dalam usaha untuk memajukan penulisan sejarah Malaysia tidak semestinya penulisan ditumpukan kepada tokoh-tokoh ternama dan peristiwa-peristiwa utama yang berlaku di sesuatu zaman sahaja. Sesungguhnya perkara ini penting, tetapi kita tidak boleh melupakan bahawa sejarah itu merangkumi juga cerita dan peristiwa rakyat biasa. Maka tajuk-tajuk yang bercorak sejarah tempatan dan juga sejarah negeri perlu diberi tempat yang sewajar. Di sinilah Sejarah Lisan sangat berguna kerana rakyat biasa tidak meninggalkan sumber-sumber bertulis. Di Malaysia sungguhpun tradisi bertulis berkurangan tetapi ia kaya dengan tradisi lisan. Peluang untuk merakamkan warisan ini boleh dilaksanakan melalui projek Sejarah Lisan yang sekaligus mampu mengajar anak-anak muda untuk minat dengan sejarah.



SEJARAH LISAN

Sejarah Lisan adalah satu kaedah di mana kenangan seseorang tokoh yang di wawancara, dirakam dan direkod bagi kegunaan yang akan datang. Tokoh-tokoh ini biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, dan juga kerana penglibatan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan kemudian disemak dan ditaip. Akhirnya ia boleh digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan.

KONSEP SEJARAH LISAN

Sejarah lisan juga bertujuan untuk mengumpulkan memori dan pengalaman orang yang mempunyai nilai signifikan dalam sesuatu isu sejarah tertentu. Penggunaan sejarah lisan sebagai salah satu daripada cabang sejarah menjadi penting disebabkan kekurangan sumber bertulis dan sumber arkeologi dalam pengkajian sesebuah sejarah.

Sejarah telah memainkan peranannya dalam melengkapkan sumber sejarah dan menjadi bahan bukti yang menyokong kepada sumber-sumber primer yang lain. Contohnya, Tucydides ketika menulis mengenai sejarah Perang Peloponnesia telah mengambil kira keterangan-keterangan saksi yang telah menyaksikan sendiri peristiwa peperangan tersebut. Sejarah lisan terus menjadi popular dan berkembang terutamanya dalam mengkaji sejarah social dan sejarah rakyat yang jarang didokumenkan.

Proses pengumpulan sumber, proses pengumpulan ini boleh dilakukan dalam beberapa cara iaitu wawancara, melakukan rakaman dan bahan-bahan bukti. Proses Transkripsi, proses ini merupakan antara proses yang penting, di mana memindahkan butir-butir percakapan dalam rakaman kepada bentuk tulisan, mendapat persetujuan orang sumber mengenai proses pentranskripsian.



KEPENTINGAN SEJARAH

Menurut Muhd Yusof Ibrahim (2009), sumber lisan ialah sumber yang didapati daripada pertuturan atau perkhabaran seseorang tentang sesuatu peristiwa yang berlaku. Sebagaimana sumber sejarah yang lain seperti sumber bertulis, sumber lisan juga boleh dikategorikan sebagai salah satu sumber sejarah yang penting dalam persejarahan, khususnya persejarahan Malaysia.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (2007), satu daripada kelemahan besar di dalam usaha untuk menulis semula sejarah Malaysia ialah kekurangan sumber-sumber sejarah yang asal. Hal ini berkait rapat dengan tiadanya satu tradisi dalam kalangan masyarakat Malaysia untuk menyimpan catatan harian, menulis dokumen atau menulis riwayat hidup. Dalam keadaan ini, sumber lisan akan memainkan peranan penting dalam memelihara dan menambahkan sumber-sumber sejarah yang ada. Hal ini turut dinyatakan oleh Rozeman Abu Hassan (2004), di mana beliau mengatakan bahawa pada dasarnya, tujuan sejarah lisan ini adalah untuk mendapat dan memelihara rekod-rekod sejarah yang semakin berkurangan dan sudah hilang.

Begitu juga, kepentingan sumber lisan ini amat terasa dalam keadaan di mana kurangnya sumber-sumber bertulis bagi sesuatu peristiwa yang dikaji ataupun dalam keadaan di mana sumber lisan adalah satu-satunya sumber yang boleh diperolehi tentang sesuatu peristiwa itu (Muhd. Yusof Ibrahim, 2009: 162). Sebagai contoh, peristiwa pendudukan Jepun di Tanah Melayu pada 1941-1945. Sumber bertulis untuk kita mentafsir dan meneliti peristiwa pendudukan Jepun ini amatlah terhad. Walau bagaimanapun, kisah-kisah mengenainya masih banyak didapati dari mulut orang-orang tua yang masih hidup dan telah melalui zaman tersebut. Banyak cerita yang dapat kita dengar dan perolehi daripada mereka terutamanya mengenai kezaliman dan kesengsaraan hidup pada zaman tersebut.

Selain itu, maklumat-maklumat yang diperolehi dalam sumber lisan ini sungguh bernilai dalam kita memahami peristiwa-peristiwa yang saling berkait dari sudut yang luas. Sesungguhnya, sejarah lisan amat unik kerana ia dapat menghubungkan zaman yang lalu dan zaman sekarang melalui rakaman pengalaman-pengalaman yang bersejarah (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007). Seperti yang kita tahu, sejarah mempunyai ruang-ruang kosong yang perlu dipenuhi. Dalam keadaan ini, sumber lisan boleh membantu memberikan gambaran yang lebih lengkap dan jelas mengenai sesuatu peristiwa sejarah.



Disamping itu, menurut Rozeman Abu Hassan (2004), sumber lisan juga bertujuan untuk memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengkisahan. Kaedah ini merangkumi proses wawancara dan merakam ke dalam pita tentang keterangan-keterangan orang yang terlibat secara langsung atau hanya sekadar menyaksikan peristiwa tersebut. Selain itu, sumber lisan juga amat penting kepada generasi baru, khususnya generasi yang tidak melalui zaman peperangan, penjajahan dan dan perjuangan dalam menuntut kemerdekaan. Dengan adanya sumber lisan, generasi-generasi baru ini akan dapat mengenali dan mendalami peristiwa-peristiwa yang telah berlaku melalui kaca mata orang yang telah mengalami dan menyaksikan peristiwa tersebut.

Begitu juga, kita perlu sedar bahawa penulisan sejarah Malaysia tidak seharusnya berfokuskan kepada tokoh-tokoh ternama dan peristiwa-peristiwa utama yang berlaku di sesuatu zaman. Walaupun sesungguhnya perkara ini penting dan pada masa yang sama, kita tidak boleh menafikan bahawa sejarah itu turut merangkumi cerita dan peristiwa rakyat biasa. Sejarah bercorak tempatan dan sejarah negeri juga perlu diberikan fokus yang sewajarnya dalam persejarahan Malaysia. Di sinilah sumber lisan amat penting kerana rakyat biasa tidak meninggalkan sumber-sumber bertulis. Walaupun kurang sumber bertulis, rakyat amat kaya dengan tradisi lisan. Sumber lisan inilah yang akan digunakan oleh sejarawan untuk menulis sejarah yang bercorak tempatan (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007).

Kesimpulannya, sumber lisan mempunyai banyak kepentingan khususnya dalam pensejarahan. Sumber lisan penting untuk memelihara dan menambahkan sumber-sumber sejarah yang ada, kekurangan sumber-sumber bertulis bagi sesuatu peristiwa yang dikaji ataupun dalam keadaan di mana sumber lisan adalah satu-satunya sumber yang boleh diperolehi tentang sesuatu peristiwa itu, membantu memberikan gambaran yang lebih lengkap dan jelas mengenai sesuatu peristiwa sejarah, memelihara pengetahuan-pengetahuan sejarah melalui pengkisahan, penting kepada generasi baru, khususnya generasi yang tidak melalui zaman peperangan, penjajahan dan perjuangan dalam menuntut kemerdekaan serta menjadi sumber bagi sejarawan untuk menulis sejarah bercorak tempatan kerana rakyat biasa tidak meninggalkan sumber bertulis.



1.1 Objektif Kajian

- Mengetahui serba sedikit sejarah mengenai Kampung Pogoh, Segamat Johor
- Mengenal dengan lebih dekat individu penting di dalam kampung
- Mendapatkan gambaran sebenar mengenai peranan dan tanggungjawab seorang ketua kampung di dalam sesebuah institusi perkampungan
- Untuk dijadikan sebagai rujukan kepada semua generasi dan para pengkaji pada masa akan datang
- Untuk dijadikan satu pengalaman dan bukti mengenai fakta-fakta asal-usul Kampung Pogoh.

1.2 Kaedah Kajian

Kaedah yang kami gunakan dalam melaksanakan temubual bersama wakil Kampung Pogoh iaitu Ketua Kampung Pogoh Tengah (Pogoh 8) adalah seperti berikut:

- Kami melakukan pencarian maklumat mengenai kampung melalui Internet serta buku ilmiah.
- Kami juga mencari wakil kampung di Balairaya Kampung Pogoh untuk mengenal pasti individu yang boleh membantu kami dalam penceritaan sejarah mengenai Kampung Pogoh.
- Kami membuat rujukan serta mendapat bimbingan daripada pensyarah berkaitan langkah-langkah serta panduan dalam menjalankan kajian temubual bersama wakil kampung iaitu Ketua Kampung Pogoh.
- Kami juga mendapat keizinan dan persetujuan daripada Ketua Kampung Pogoh melalui panggilan telefon.
- Selain itu, kami juga melakukan beberapa sesi pertemuan bersama Ketua Kampung iaitu untuk sesi suai kenal, sesi penceritaan mengenai kampung,



sekilas cerita yang menarik mengenai sejarah kampung seperti mitos yang terdapat di Kampung Mukim Pogoh ini.

- Manakala sesi rakaman temubual rasmi mengenai keseluruhan penceritaan sejarah Kampung Mukim Pogoh dilakukan di pejabat ketua kampung yang terletak di Taman Pelangi, Segamat Johor.

1.3 Sejarah Segamat

Segamat merupakan sebuah daerah paling tua di negeri Johor yang kaya dengan sejarah silamnya lalu ianya digelar "Daerah Lagenda". Sejarah silam daerah Segamat sering dikaitkan dengan kehebatan kerajaan Malim Dewa yang kononnya pada suatu masa dahulu pernah wujud di satu kawasan luas merintanggi Kuala Muar hinggalah ke hulu daerah Segamat.

Menurut cerita orang tua-tua, Putera kepada Raja Malim Dewa iaitu Raja Malim Dman pernah mencintai seorang Puteri yang bernama Puteri Santan Bertapis. Malangnya, sang Puteri Santan Bertapis yang digilakan oleh Malim Dewa itu telah dibawa lari oleh seorang Putera dari kayangan. Kegagalan untuk mencari Puteri tersebut telah menyebabkan baginda membuat satu sumpahan iaitu selagi Puteri yang dicintainya itu tidak ditemui maka daerah Segamat akan dilanda banjir. Dengan demikian, daerah ini telah dikenali sebagai "Daerah Sumpahan Malim Deman".

Menurut Cikgu Hassan bin Muhammad, seorang pengkaji sejarah tempatan, Segamat awalnya dikenali sebagai Rantau Panjang. Segamat disebut sebagai "Rantau Panjang" adalah kerana kaitannya dengan keadaan bentuk muka bumi sekitar kawasan sungai Segamat pada masa itu. Menurut orang tua-tua, pada masa dahulu kawasan tebing sungai Segamat begitu lurus dengan pasir di tebingnya halus. Apabila terkena sinaran matahari sepanjang tebing sungai kelihatan seperti hamparan permaidani putih. Air sungainya yang jernih dan berkilau-kilauan menambahkan lagi keindahan kawasan sekitar itu.

Hasil rujukan dari Buku "Segamat – sejarah & mitosnya", asal nama Segamat adalah dari peristiwa kunjungan Bendahara Tepuk. Mengikut perspektif sejarahnya, kira-kira 500 tahun yang lalu, peristiwa Bendahara Tepuk iaitu Bendahara Melaka yang terakhir berserta rombongannya telah melarikan diri ke daerah Segamat apabila Melaka ditawan oleh



penjajah Portugis. Tempat yang mula-mula didatangi oleh Bendahara Tepuk dan pengikutnya ialah di satu kawasan berhampiran sungai Segamat. Kawasan tersebut berbukit-bukau dan terdapat sebatang anak sungai yang penuh dengan lubuk dan di tebingnya pula terdapat batu-batu kecil berwarna putih yang berelerakan. Justeru, Bendahara Tepuk pun menamakan kawasan tersebut sebagai "Kampung Lubuk Batu"

Di pengkalan Lubuk Batu, kononnya terdapat dua peristiwa penting telah berlaku. Pada hari Bendahara serta rombongannya sampai ke Lubuk Batu itu, cuaca amat panas dan terik. Justeru, Bendahara Tepuk yang telah uzur dan tidak bergigi serta kakinya yang lumpuh terpaksa diusung ke pengkalan sungai untuk mandi. Airnya yang jernih lagi sejuk betul-betul menyegarkan tubuh Bendahara lalu beliau pun berkata "Segar amat badanku ini". Kononnya, dari perkataan "segar amat" yang dilafazkan oleh Bendahara Tepuk tersebut lahirlah nama "Segamat" hasil dari gabungan perkataan "segar" dan "amat".

1.4 KAMPUNG POGOHO

Kampung Pogoh atau lebih dikenali sebagai Kampung Pogoh Tengah merupakan sebuah kampung yang terletak di bawah Mukim Pogoh. Terdapat juga beberapa kampung-kampung kecil yang berada di bawah Mukim Pogoh iaitu Kampung Paya Pulai (Pogoh 1), Kampung Kenawar dan Lubok Selumar (Pogoh 2), Kampung Bukit Manis, Senggeh, Chodan, dan Tekam (Pogoh3), Melayu Raya (Pogoh 4), Paya Besar (Pogoh 5), Sedeng (Pogoh 6), Genuang Baru (Pogoh 7) dan Kampung Pogoh Tengah (Pogoh 8). Mukim Pogoh merupakan salah sebuah mukim terbesar di daerah Segamat ini dan merupakan pecahan kawasan pentadbiran bagi negeri Johor. Ianya juga terletak dalam pentadbiran Daerah Segamat. Kampung Pogoh ini mempunyai banyak keunikannya yang tersendiri disamping mempunyai banyak kesan-kesan sejarah dan cerita mitos yang menarik. Di samping itu, Kampung Pogoh ini merupakan kawasan kampung yang suasananya sangat damai dan tenang penuh dengan keindahan hijau semulajadi. Dengan persekitaran yang indah dan aman sentosa, kampung ini kerap menerima lawatan dan kunjungan daripada pihak luar dan menteri beserta juga pengkaji sejarah untuk merongkai keunikan kampung ini.

Selain itu juga, kampung ini merupakan kampung yang aktif dalam ekonomi setempat seperti pertanian dan penternakan. Penduduk-penduduk di Kampung Pogoh ini juga sentiasa berdaya saing antara satu sama lain, rajin dan juga produktif. Kampung Pogoh banyak terlibat dengan aktiviti ekonomi seperti pertanian dan penternakan. Selain itu, kampung ini juga mempunyai peninggalan sejarah yang menarik iaitu peninggalan sejarah



TRANSKRIP WAWANCARA



Panglima Pasak. Kesan penjajahan Komunis dan Jepun juga seperti mana yang diketahui umum, mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Maka, dengan itu, kami telah memilih Kampung Pogoh ini sebagai kampung bagi tajuk tugas kami pada kali ini iaitu sejarah penempatan di Kampung Pogoh. Diharap segala informasi yang disediakan dapat membantu pihak-pihak yang berkenaan untuk mendapat rujukan ilmiah yang dapat membantu kajian mereka pada masa akan datang.

Selain keadaan bentuk muka bumi nya yang menarik, Kampung Pogoh juga mempunyai sungai yang sangat cantik dan sering menjadi lokasi bagi kaki-kaki pancing untuk menangkap ikan dan merehatkan fikiran. Namun, kampung Pogoh juga sangat terkenal dengan kawasan yang paling kerap dilanda banjir atas faktor tanahnya rendah. Kejadian banjir juga terjadi akibat pertembungan dua buah sungai utama iaitu Sungai Segamat dan juga Sungai Muar yang menyebabkan air melimpah ke kawasan-kawasan di Pogoh. Kejadian banjir di Kampung Pogoh juga ada kaitannya dengan faktor Air laut pasang besar yang dimana menyebabkan kedua-dua buah sungai itu mudah dipenuhi air dan seterusnya mengakibatkan banjir di Pogoh.

2.0 TRANSKRIP WAWANCARA

Rakaman temubual lisan dimulakan.

Rakaman pada hari ini adalah berkenaan sejarah penempatan di Kampung Pogoh. Wawancara temubual pada hari ini bertempat di Triple I Enterprise iaitu pejabat beliau pada jam 4.22 petang. Kami penemubual bernama Sharifah Fatimah binti Syed Mohamed dan Nur Syafiqah bt Zaili. Kami akan menemubual Encik Hj Iswadi bin Ahmad yang merupakan ketua kampung di Kampung Pogoh Tengah iaitu Pogoh 8 mengenai sejarah Kampung Pogoh.

Rakaman bermula.

Sharifah Fatimah (SF): Assalamualaikum encik.

Hj Iswadi (Tok Wadi): Waalaikumussalam warahmatullah.



SF: Terlebih dahulu apakah nama penuh encik?

Tok Wadi: Nama saya Hj Iswadi bin Ahmad.

SF: Boleh kami tahu apakah gelaran nama encik?

Tok Wadi: Gelaran?

SF: Ye. (Ketawa)

Tok Wadi: Di kampung, orang panggil saya Tok Wadi la.

SF: Jadi boleh kami panggil Tok?

Tok Wadi: Boleh. Boleh.

SF: Berapakah umur Tok?

Tok Wadi: Saya 45 tahun.

SF: Bilakah Tok dilahirkan?

Tok Wadi: Saya dilahirkan pada 26 hari bulan Ogos 1972.

SF: Dimanakah tempat en (tersasul) Tok dilahirkan?

Tok Wadi: Saya dilahirkan di Kampung Pogoh.

SF: Adakah Tok memang tinggal dan membesar di Kampung Pogoh ini?

Tok Wadi: Saya (berfikir seketika) tinggal dan membesar, ye betul, saya (gugup) saya tinggal dan membesar di Kampung Pogoh.



SF: Boleh Tok gambarkan keadaan di kampung semasa encik kecil?

Tok Wadi: Semasa saya kecil (bunyi berdehem), Kampung Pogoh ni [ini] aaa (memikir) belum membangun lagi dan jalan pun kecil je [sahaja], tak [tidak] besar macam sekarang. Bangunan-bangunan kerajaan pun tak [tidak] banyak, surau (memikir) pun tak [tidak] banyak dan rumah-rumah orang kampung pun belum banyak lagi. Tak [tidak] macam hari ini lah.

SF: Boleh Tok ceritakan sedikit mengenai ibu dan bapa Tok?

Tok Wadi: Ibu? (bunyi berdehem). Ibu saya bemama Hajah Tijah binti Ahmad. Aaa (memikir) Umumnya 66 tahun. Aaa (berfikir seketika) asalnya dulu suri rumah tapi [tetapi] setelah anak-anak semua dah [sudah] habis sekolah, jadi dia berniaga. Ayah saya pulak [pula] dia pencen kerajaan lah. Dia dulu bekerja dengan Jabatan Perhilitan. Umur ayah saya 70 tahun sekarang.

Nur Syafiqah (NS): Siapa (tersasul) siapakah nama ayah encik?

Tok Wadi: Oh. Nama ayah saya ah (tersasul) Haji Ahmad bin Abdul Rashid. Adakah (Fatimah mencelah). Saya special [istimewa] sikit, saya Iswadi bin Ahmad, mak saya Tijah binti Ahmad, ayah saya Ahmad. Haa macam tu [itu] (nada perlahan). Bapak [ayah] mertua saya pun Ahmad. (Ketawa) Ok.

SF: Adakah ibu bapa Tok tinggal di kawasan berdekatan atau jauh?

Tok Wadi: Aaa ya. Ayah dan ibu saya tinggal di Taman Mida, Paya Pulai. Sekarang ni [ini] lah.

SF: Berapakah bilangan adik-beradik Tok?

Tok Wadi: Saya ada enam orang adik-beradik. Emm (berfikir seketika). Tiga lelaki tiga perempuan.



SF: Tok merupakan anak yang ke-berapa?

Tok Wadi: Saya anak yang kedua.

SF: Adakah Tok sudah mendirikan rumah tangga?

Tok Wadi: Saya sudah berkahwin.

SF: Boleh Tok ceritakan serba sedikit mengenai Tok (tersasul) isteri Tok?

Tok Wadi: Isteri saya aaa (berfikir sekejap). Namanya Ruzi binti Ahmad. Umur dia 41 tahun. Suri rumah la sepenuh masa.

SF: Boleh Tok ceritakan serba sedikit tentang keluarga Tok sekarang?

Tok Wadi: Keluarga saya? Emm (berfikir seketika). Anak? (Fatimah mencelah). Suu (tersasul). Keluarga saya lah? Emm (Fatimah mencelah). Saya seorang isteri, ada seorang isteri dan seorang anak perempuan berumur sembilan tahun. Masih bersekolah la, sekolah rendah.

SF: So [jadi], dah lama Tok tinggal di kediaman sekarang?

Tok Wadi: Aaa (memikir) sejak kecil lah.

SF: Berkaitan salahsilah keluarga, adakah Tok mempunyai darah campuran?

Tok Wadi: (Berfikir seketika). Ok aaa (memikir) ayah saya orang Negeri Sembilan, berdarah Minangkabau dan Indonesia. Aaa (memikir) ibu saya berdarah Bugis, jadi campur la tu [itu] haa. Tapi kedua-duanya asal usulnya dari Indonesia. Ok.



SF: Baiklah, kita akan teruskan temubual kita dengan soalan mengenai pendidikan dan pekerjaan. Boleh Tok ceritakan latar belakang pendidikan Tok?

Tok Wadi: Emm ok. Saya bersekolah rendah di Segamat di bandar (tersasul) Sekolah Dato' Wan Idris, Segamat. Kemudian saya (memikir) sekolah menengah di Sekolah Tinggi Segamat, pastu [lepas itu] aaa (memikir) melanjutkan pelajaran di UiTM Segamat. (Befikir seketika) Sampai situ jelah.

SF: Setelah menamatkan pengajian di UiTM, apa yang Tok lakukan?

Tok Wadi: Emm (memikir). Saya mula bekerja di sebuah syarikat kewangan yang bernama Kewangan Bersatu Berhad, (memikir) KBB. Dia macam bank lah, eh. Aaa (memikir) dan saya berkerja sehingga tahun (tersasul) daripada 93 hingga tahun 98. Selepas itu saya berhenti disebabkan penggabungan apa, merging [gabung] eh. (bunyi berdeham) Merging [gabung] antara bank-bank, masa tu [itu] ekonomi gawat tahun 98. Jadi kerajaan mengarahkan semua bank yang besar-besar ni [ini] untuk (memikir), untuk (memikir) ambil bank yang kecil-kecil ni [ini]. Jadi saya mengambil keputusan untuk ambik [ambil] apa ni (memikir), option [pilihan] untuk berhenti lah. Selepas berhenti, saya berkerja di sebuah syarikat perkapalan, aaa (memikir) dipanggil Selatan Agencies [agensi] Sendirian Berhad. Ibu pejabatnya di Taman Molek, Johor Bahru tapi saya menjadi executive in-charge [eksekutif bertanggungjawab] di pelabuhan darat la. Pela (gugup) pelabuhan darat Segamat selama dua tahun sehingga tahun 2000. Selepas itu, saya bekerja di (berfikir seketika) Proton Edar Segamat sehinggalah tahun 2008. Berhenti di proton, saya bekerja di Honda pulak (pula) sehinggalah tahun (memikir), tahun berapa saya berhenti ha (berfikir seketika) 2015 haa.

SF: Apakah pekerjaan Tok sekarang?

Tok Wadi: Sepenuh masanya saya adalah seorang ketua kampung. Jadi, dalam masa yang sama, saya menjalankan perniagaan keluarga iaitu sebuah syarikat yang diberi nama Triple I Enterprise. Emm (memikir) menjalankan kerja-kerja kontrak dan perkhidmatan. Itulah, (memikir) kerja saya sekarang.



SF: Seperti yang kita sedia maklum, Tok adalah ketua kampung Pogoh, sejak bila Tok mula menjerumuskan diri sebagai seorang ketua kampung?

Tok Wadi: Saya telah dijerumuskan (bunyi ketawa) (bunyi selakan kertas) sebagai ketua kampung, perlantikan rasminya ada (tersasul) adalah pada 1 haribulan Mei 2016. Maknanya belum dua tahun lagi lah.

SF: Apakah faktor-faktor yang mendorong Tok untuk menjadi ketua kampung?

Tok Wadi: (Bunyi berdehem) aaa (berfikir seketika). Saya telah menjadi seorang Ketua Pemuda Umno Cawangan Pogoh selama lebih 16 tahun. Jadi aaa, setelah habis usia pemuda, emm (memikir) saya sekarang ni [ini] memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Umno Cawangan Pogoh. Jadi atas dasar darah yang dah lama duduk di dalam kepimpinan dan galakan daripada semua kawan-kawan dan orang kampung. Begitu juga, galakan daripada pemimpin-pemimpin dan yang berhormat-yang berhormat, maka saya menerima lah, aaa (memikir) pelawaan dorang [mereka] untuk saya menjadi ketua kampung.

SF: Tok dilantik menjadi ketua kampung oleh siapa?

Tok Wadi: Secara rasminya, perlantikan ketua kampung adalah di bawah Menteri Besar Johor.

SF: Sebagai ketua kampung, berapa lamakah jangka masa yang diberikan kepada Tok untuk berkhidmat sebagai ketua kampung?

Tok Wadi: Emm. Ketua kampung, dia tak [tidak] ada tempoh masa dua tahun ataupun lima tahun dan sebagainya. Tetapi dia ada had umur. Had umurnya ialah sekarang ni [ini] tidak boleh melebihi umur 69 tahun (bunyi azan). Tidak boleh melebihi umur 69 tahun ataupun aaa (memikir) sihat dari segi mental dan fizikal lah. Kalau umur baru 50 tapi mentalnya dah tak [tidak] sihat dah tak [tidak] boleh dah tak [tidak] layak jadi ketua kampung. Kalau dari segi fizikalnya dah jadi OKU dan sebagainya pun dah tak [tidak] layak untuk jadi ketua kampung.



SF: Apakah perasaan Tok ketika dilantik menjadi ketua kampung Pogoh ini?

Tok Wadi: (Berpikir seketika) Perasaan? (berbisik). Aaa (bunyi azan). Saya merasakan tu [itu] satu amanah yang sangat-sangat berat. Jap [sebentar] (Fatimah mencelah)

Rakaman akan diberhentikan bagi menghormati waktu azan.

Rakaman disambung semula.

SF: Berbalik kepada soalan tadi, apakah perasaan Tok ketika dilantik menjadi ketua kampung Pogoh ini?

Tok Wadi: (Berpikir seketika). Pada mulanya, saya merasakan (memikir) macam (memikir) tak [tidak] ada apa-apa. Tapi, bila satu-persatu tanggungjawab tu [itu] saya nampak diletakkan pada bahu saya, saya rasakan tu [itu] satu amanah yang sangat besar ye. Pasal [sebab] apa, bila kita jadi ketua kampung ni [ini], kita menjadi (gugup) ketua ataupun penasihat ataupun penaung kepada apa sahaja organisasi yang ada di dalam kampung termasuk belia, komping, silat, sukan, bola sepak, masjid (menarik nafas) dan sebagainya lah. Jadi kita perlu ada dan perlu terlibat dalam semua hal benda ni [ini]. Begitu juga dengan aaa (menarik nafas), trend [ikutan] sekarang ni yang banyak program di peringkat daerah yang banyak melibatkan ketua-ketua kampung. Jadi, saya merasakan satu beban jugak [juga] kepada saya tapi Alhamdulillah, selama hampir dua tahun ni [ini] saya rasa, saya dapatlah untuk melaksanakan kerja-kerja tu [itu]. In shaa Allah.

SF: Tok adalah ketua kampung yang ke-berapa untuk Kampung Pogoh ini?

Tok Wadi: Untuk Kampung Pogoh, aaa (berfikir seketika). Yang pertama adalah Allahyarham Tok Jais, selepas Allahyarham Tok Jais adalah Allahyarham Tok Isa, selepas itu aaa (berfikir seketika) Cikgu Ibrahim, selepas Cikgu Ibrahim aaa (memikir) Tok Hamid, saya yang kelima lah rasanya.



SF: Untuk menyandang jawatan sebagai ketua kampung, adakah terdapat sebarang kelayakan dari segi pendidikan atau ciri-ciri yang perlu diambil kira?

Tok Wadi: Untuk memohon jawatan ketua kampung, kita perlu ada sekurang-kurangnya SPM ea, Sijil Pelajaran Malaysia. Aaa (berfikir seketika). Anak jati Johor ye maknanya dilahirkan di negeri Johor lah. Ataupun sekurang-kurangnya telah bermaustatin melebihi sepuluh tahun di negeri Johor ni [ini] haa. Lain-lain kelayakan (memikir), kita kena menghadiri temuduga yang akan di (tersasul) ditemuduga oleh (memikir) pegawai daerah, kadi daerah dan penghulu kanan serta ADO-ADO yang lain lah. Di situ, macam-macam soalan lah yang ada. Dia suruh kita mengaji, dia suruh kita baca tulisan (memikir) jawi, suruh kita baca tafsir Quran, macam-macam.

SF: Dimaklumkan, Tok bekerja sendiri disamping menjadi ketua kampung. Bagaimana Tok membahagikan masa antara dua kerja tersebut?

Tok Wadi: Kadang-kadang aaa (berfikir seketika) dah tak [tidak] terbahagi dah masa tu [itu]. Tapi apa yang saya buat ialah saya kena korbankan sikit dari se (tersasul) dari sudut kewangan untuk saya melantik dua orang pembantu di dalam syarikat saya supaya saya dapat membahagikan masa untuk, untuk kampung. Ta (gugup) tapi [tetapi], aaa (memikir) saya akan memastikan pada setiap malam, saya mesti berada di kampung lah sebab di sebelah siang, penduduk kampung pun dah faham saya berniaga. Jadi kalau dia nak mencari saya, sebelah malam lah.

SF: Apakah cabaran sepanjang Tok menjadi ketua kampung?

Tok Wadi: (Berfikir seketika) Cabaran menjadi ketua kampung ni [ini] nak kata besar sangat pun tidak lah jugak [juga], tapi antara perkara yang paling penting sekali dalam kita menjadi ketua kampung, nama pun dah ketua. Ketua tu bererti pemimpin kan? Jadi, cabarannya adalah kita perlukan satu had kesabaran yang sangat tinggi. Sebab, dengan penduduk yang ramai, bermacam-macam perangai, bermacam-macam masalah yang akan timbul. Begitu juga dengan usia saya yang diperingkat umur 45 tahun ni [ini], saya kena pandai dan bijak untuk meletakkan diri saya bersama-sama dengan semua peringkat umur. Saya perlu berkawan dengan budak-budak umur 20-an, saya perlu berkawan dengan yang 30-an, 40-an, 50-an, termasuk yang warga emas. Tak [tidak] semua warga emas pada mulanya atau orang tua-tua



yang pada mulanya boleh terima seorang ketua kampung muda seperti saya ni [ini]. Ada yang tidak memberikan rasa hormat langsung kepada saya tapi [tetapi] Alhamdulillah, lama-lama penerimaan tu [itu] ada. Dan akhir sekali yang paling penting ialah bagaimana saya nak [hendak] mengawal diri saya sendiri sebagai seorang pemimpin. Kita kena sentiasa menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak buah kita. Itu antara cabaran dia lah.

SF: Adakah menjadi ketua kampung adalah cita-cita Tok?

Tok Wadi: Tidak sama sekali. Saya tak [tidak] pernah termimpi pun nak [hendak] jadi ketua kampung.

SF: Siapakah individu-individu yang pernah menjadi ketua kampung? (Kesilapan)

SF: Apakah peranan Tok sebagai ketua kampung?

Tok Wadi: Peranan? (bunyi berdehem). Peranan saya banyak. Emm (memikir) scope [bidang] kerja ketua kampung ni [ini] memang banyak. (bunyi berdeham). Macam yang saya ada sebut tadi. Bila kita jadi ketua kampung, secara automatiknya kita adalah penaung kepada semua organisasi ataupun kelab-kelab sahshiah yang ada di dalam kampung tu [itu]. Kalau ada persatuan bola sepak, automatik saya jadi penaung atau penasihat. Kelab kompong, kelab silat, haa masjid, automatik saya jadi penaung. Maknanya kita tak [tidak] boleh elak, itu antara salah satu peranannya lah. Aaa (memikir). Yang lain-lainya saya perlu memastikan pembangunan yang berterusan di kampung. Saya kena pastikan jalan-jalan kampung semua dinaiktaraf kepada jalan premix, saya pus (tersasul) perlu pastikan semua lorong-lorong dipasang lampu jalan supaya kampungnya terang. Saya kena pastikan semua anak-anak sungai dibersihkan supaya dapat mengurangkan risiko banjir. Saya kena pastikan jugak [juga] rumah-rumah masyarakat kampung ni [ini] sentiasa bersih supaya tak [tidak] ada kena jangkitan penyakit apa (memikir), denggi, ye. Itu semua bawah ketua kampung. Maknanya yang dikatakan JKKK ni [ini], Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, kena pastikan kemajuan kampung. Nak [hendak] maju haa itulah tadi, infrastruktur mesti nak lengkap, keselamatan, bukan setakat keselamatan daripada penjenayah saja, keselamatan daripada penyakit. Tu [itu] semua bawah tanggungjawab ketua kampung lah. Jadi kita memang sentiasa



ber (gugup) berurusan dengan jabatan kesihatan, haa (memikir) on and off [kadang-kadang] macam tiga bulan sekali empat bulan sekali kita mesti akan panggil jabatan kesihatan untuk buat saringan kesihatan di kampung. Haa itu antara peranan-peranan saya lah. Banyak lagi, tapi saya tak [tidak] ingat nak sebut dah.

SF: Adakah Tok pernah mendapat apa-apa pencapaian atau terlibat dalam apa-apa sumbangan?

Tok Wadi: Emm (memikir). Pencapaian untuk (bunyi berdehem) untuk individu tak [tidak] ada lah tapi kalau di segi sudut sumbangan, kita ketua kampung memang sentiasa sahaja dihubungi oleh yang berhormat-yang berhormat, NGO-NGO, yang nak [hendak] datang ke Kampung Pogoh untuk memberikan sumbangan kepada warga-warga emas, kepada ibu-ibu tunggal, kan? Jadi, memang kita sentiasalah sepanjang tahun tu [itu] banyak kali lah NGO aaa syarikat-syarikat swasta yang bermurah hati nak [hendak] memberikan sumbangan kepada orang kampung.

Nur Syafiqah (NS): Adakah encik pernah terlibat dengan apa-apa program kemasyarakatan?

Tok Wadi: Program kemasyarakatan? Dekat [di] kampung ni [ini] kalau dah nama [ini] ketua kampung, memang kita duduk di (tersasul) di celah-celah masyarakat. Tapi maksud program kemasyarakatan ni [ini] macam program gotong-royong haa, program macam tadi lah, yang ada orang datang jumpa saya berkaitan dengan sambutan maulidur rasul. Itu semua memang (tersasul) memang saya mesti ada peranan di dalam tu [itu]. Gotong-royong memang kita diwajibkan. JKK perlu membuat gotong-royong sekurang-kurangnya sekali sebulan. Tak [tidak] kira lah gotong-royong apa. Membersihkan tanah wakaf, membersihkan masjid, membersihkan rumah warga emas, membersihkan aaa (memikir) surau, membersihkan rumah ibu tunggal, rumah anak yatim. Itulah, itulah (bunyi bising) program kemasyarakatan yang kita biasa buat. Gotong-royong membersihkan balai raya dan pusat pemindahan banjir tu [itu] dah satu kebiasaan dah. Memang tiap-tiap bulan kita buat.



NS: Adakah encik terlibat dengan mana-mana parti politik?

Tok Wadi: Saya menjadi ahli Umno daripada umur saya 20-an lagi. Haa dan sekarang ni [ini] saya memegang jawatan Timbalan Ketua Umno Cawangan Pogoh dan dalam masa yang sama saya adalah Ahli Jawatankuasa Umno Bahagian Sekijang.

NS: Sepanjang hidup encik, pernahkah encik merantau ke negeri lain dan untuk tujuan apa?

Tok Wadi: Merantau? Emm (bunyi berdehem) (berfikir seketika). Tak [tidak] ada lah. Saya tak [tidak] ada. Saya tak [tidak] ada merantau. Jalan-jalan ada lah, jalan-jalan cari makan.

NS: Apakah perancangan encik untuk memajukan serta menaikkan nama Kampung Pogoh?

Tok Wadi: Sebenarnya kita sebagai ketua kampung, kita telah diberikan satu garis panduan, bagaimana kita hendak memajukan kampung. Saya aaa (memikir) tidak memandang kepada bagaimanakah cara nak [hendak] menaikkan nama kampung. Aaa (memikir), saya lebih kepada aaa (memikir) kemajuan, kesejahteraan dan kemakmuran kampung. Apa yang saya nampak, untuk setahun yang pertama ini, saya lebih bertumpu kepada kemajuan infrastruktur di kampung. Jadi kalau di (gugup), pada diri saya sendiri, dua tahun yang pertama, saya akan memandang kepada kemajuan infrastruktur. Dua tahun yang berikutnya adalah aaa (memikir), tekad saya untuk menyatupadukan penduduk kampung sebab aaa biasalah dalam masyarakat ini, dia ada puak-puak dia. Orang zon kampung lorong sebelah sini kurang mesra dengan ko (gugup) kampung sebelah (gugup) lorong sebelah sana. Jadi saya perlu banyak membuat program-program yang untuk menye (gugup) menyatupadukan kampung antaranya saya kena [perlu] buat banyak sukan rakyat, sukan kampung, aaa (memikir) saya kena banyak membuat program rewang haa. Dan setakat ini saya dah cuba tapi saya belum berjaya sepenuhnya. Dua tahun pertama, insfrastruktur. Dua tahun yang berikutnya adalah untuk menyapa (gugup) menyatupadukan masyarakat.



NS: Selepas menjadi ketua kampung, apa yang Tok ingin lakukan?

Tok Wadi: Macam sama je soalan awak tu, tak sama eh? (Kesilapan)

NS: Ada tak [tidak] pelapis Tok setelah Tok bersara sebagai ketua kampung?

Tok Wadi: Ohh. Saya pun tak [tidak] tahu bila saya nak [hendak] bersara. Jadi kalau setakat hari ini, aaa saya telah dipertanggungjawabkan oleh penghulu untuk menanggung tugas dua kampung yang bersebelahan. Kampung Pogoh Dua tak [tidak] ada ketua kampung, Kampung Pogoh Tiga pun tak [tidak] ada ketua kampung. Jadi saya ni [ini] sekarang ni [ini] menjaga tiga kampung. Bukan memangku tapi saya menanggung tugas, membantulah. Jadi kalau cik ka (gugup) aaa tanya saya ada tak [tidak] pelapis, setakat harini [hari ini] saya belum nampak lagi sebab di kampung sebelah-sebelah pun tak [tidak] ada orang yang nak [hendak] mohon jadi ketua kampung. Di kampung saya, saya belum nampak lagi.

NS: Pada pen (tersasul) pendapat Tok, besarkah tanggungjawab sebagai ketua kampung?

Tok Wadi: Besar. Tanggungjawabnya besar. Sebab apa (bunyi berdehem) saya kata besar saya kena pandang bukan di dunia sahaja, saya kena pandang di akhirat. Sebab, yang saya sebut tadi amanah. Amanah saya ap (tersasul) apa yang telah diamanahkan pada saya, saya kena pastikan tidak ada seorang pun, tu [itu] yang pertama, saya kena pastikan tidak ada seorang pun di kampung saya yang kelaparan. Kalau kelaparan di dunia, di dunia ini, aaa (memikir) saya akan dipersoalkan oleh pejabat daerah. Di akhirat besok [esok], Allah akan tanya saya, sebab saya ketua haa ea, ketua kena pastikan tak [tidak] ada orang miskin di kampung saya. Kalau miskin, saya kena bantu. Macam mana cara saya kena bantu, saya kena hubungi Jabatan Kebajikan Masyarakat, saya kena hubungi Majlis Agama Islam Negeri Johor, saya kena hubungi pejabat daerah untuk bantu, termasuklah YB-YB. Besar. Itu baru cerita tentang kemiskinan, ye haa. Jadi masyarakat di kampung, dia memandang tinggi kepada jawatan ketua kampung ni [ini]. Sikit-sikit pun dia cari ketua kampung. Lampu jalan padam dia cari ketua kampung. Kadang-kadang pokok tumbang, cari ketua kampung. Itu yang sikit-sikit. Kadang-kadang, jadi ketua kampung ni [ini], saya ni [ini] orang muda tapi kena mengamankan pasangan suami



isteri yang dah nak hampir warga emas bergaduh, pun ada. Haa kan. Jadi besar tanggungjawabnya. Banyak lagi la. Kalau saya nak [hendak] sebut kan kang [nanti] saya pun, awak tak [tidak] tertulis pulak [pula] nanti kan.

NS: Baiklah, temubual ini diteruskan (gugup) dengan mengenai soalan kampung. Bolehkah Tok ceritakan sedikit mengenai Kampung Pogoh ini?

Tok Wadi: (Menarik nafas) Aaa baiklah. Sebelum saya teruskan, ingin saya tekankan dekat [di] sini, sebab saya ni adalah generasi yang, yang dah berapa peringkat dah selepas penubuhan Kampung Pogoh, jadi tak [tidak] banyak sangat lah informasi yang saya ada yang boleh saya kongsi. Tapi sedikit sebanyak, mungkin boleh, boleh saya kongsi di sini aaa (memikir) seperti yang kita sedia maklum, Kampung Pogoh ini adalah sebuah (memikir) kampung, di dalam mukim Pogoh eh haa. Mukim Pogoh ini pula duduknya di dalam daerah Segamat. Antara mukim yang terbesar dalam daerah Segamat ni [ini] lah. Ok, jadi dari segi penduduknya pulak [pula], Mukim Pogoh ni [ini] aaa (memikir) terdiri daripada orang-orang Melayu dan merupakan aaa (berfikir seketika) saya dah sebut tadi lah, mukim yang terbesar di daerah Segamat.

Dalam Mukim Pogoh ni [ini], ada banyak kampung ye, jadi (bunyi berdehem). Kampung yang pertama ialah Kampung Paya Pulau atau dikenali sebagai Pogoh Satu, kampung yang kedua adalah Kampung Pogoh Dua, di situ terletaklah Kampung Kenawar, Kampung Lubok Selumar ye ataupun Pogoh yang asal. Tu [itu] Kampung Pogoh Dua. Kampung Pogoh Tiga pulak [pula], di situ lah terletaklah kampung-kampung rangkaian, (bunyi kereta) Kampung Bukit Limau Manis, Kampung Bukit Senggeh, Kampung Chodan, Kampung Tekam. Tu [itu] Kampung Pogoh Tiga. Kampung Pogoh Empat pulak [pula] Kampung Melayu Raya. Tu [itu] tempat asalnya YB Ayub. Haa Kampung Pogoh Lima, Kampung Paya Besar, Kampung Pogoh Enam, Kampung Sedeng, Kampung Pogoh Tujuh, Kampung Genuang Baru. Saya ni [ini] adalah Kampung Pogoh Lapan atau lebih dikenali dengan nama Kampung Pogoh Tengah. Jadi Kampung Pogoh Tengah ni [ini] adalah pecahan daripada Kampung Pogoh Dua aaa ea. Jadi saya ambil kampung yang baru Pogoh (gugup) Pogoh Tengah, Kampung Pogoh Dua belum ada ketua kampung lagi, tak [tidak] ada ketua kampung. Haa itulah. Itulah serba sedikit tentang kampung-kampung di dalam Mukim Pogoh.



NS: Boleh Tok ceritakan mengenai sejarah Mukim Pogoh ini?

Tok Wadi: Kalau saya nak [hendak] ceritakan tentang sejarah mukim, mungkin saya tak [tidak] bercerita lah. Sebab mukim tu [itu] besar, saya cuma ketua kampung saja [sahaja] eah. Tapi dari segi sejarah, boleh dikatakan tiap-tiap mukim ni [ini] memang ada kesan-kesan sejarah dan mitos yang tersendiri. Jadi di antara kesan-kesan sejarah Pogoh yang boleh dilihat sehingga sekarang ialah, di Kampung Pogoh ye, aaa (memikir) makam Tok Kali yang terletak, ataupun sekarang ni [ini] kita panggil tanah wakaf Kenawar di Kampung Pogoh Dua yang terletak berhampiran dengan Sekolah Kebangsaan Pogoh. Mengikut cerita orang tua-tua, mukim Pogoh ini dibuka hampir 100 tahun yang lalu.

NS: Seperti yang Tok ceritakan tadi, seja (gugup) sejarah Kampung Pogoh yang boleh (gugup) yang boleh dilihat adalah Makam Tok Kali, boleh encik ceritakan mengenai Makam Tok Kali?

Tok Wadi: Emm, saya minta maaf. Saya kurang pengetahuan tentang sejarah Makam Tok Kali. Jadi saya tak [tidak] dapat nak [hendak] membantu eah.

NS: Baiklah, boleh kami tahu siapakah pengasas Kampung Pogoh?

Tok Wadi: Okay. Emm (memikir). Seperti yang saya katakan tadi lah, Kampung Pogoh ni [ini] dibuka dah [sudah] hampir 100 tahun. Jadi (memikir), mukim ini dibuka oleh Tok Lembek bin Bandar bersama-sama dengan Tok Nolah dan Pawang Khamis. Antara tiga orang ini, (memikir) inilah ada penduduk menggelarnya sebagai Tok Panglima Pogoh. Tapi [tetapi] saya tak [tidak] pasti siapa yang digelar sebagai Panglima Pogoh itu samada Tok Lembek atau Tok Nolah. Dan Kampung Danau Lanjut merupakan kampung yang pertama dalam mukim Pogoh yang dibuka oleh Tok Lembek bersama kawan-kawannya (bunyi motor).



NS: Difahami, kampung pertama (bunyi selakan kertas) di dalam mukim Pogoh adalah Danau Lanjut, boleh Tok ceritakan dari manakah terciptanya nama Danau Lanjut?

Tok Wadi: Emm. Mengikut aaa (memikir) cerita daripada arwah Pak Uda Jali, Pak Uda Jali ni [ini] orang lama, aaa (berfikir seketika), dah arwah lama dah ni [ini], dah dekat [hampir] 20 tahun dia meninggal. Arwah Pak Uda Jali bin Tenggok eh, yang juga penduduk di Kampung Pogoh ni [ini]. Nama Danau Lanjut ni [ini] diambil daripada nama sejenis pokok yang banyak terdapat di kawasan tu [itu] pada masa kampung ini dibuka. Nama po (gugup) pokok tersebut ialah pokok lanjut, ia biasanya tumbuh di tepi-tepi sungai dan mempunyai batang yang besar dan daun yang lebar. Yang saya tahu, pokok lanjut ni [ini] mempunyai banyak buah, rupa buahnya seakan-akan buah binjai tapi [tetapi] warna merah seperti biji saga. Buah pokok lanjut ni [ini] boleh dimakan dan dikatakan rasanya sedap tapi [tetapi] saya tak [tidak] pernah makan. Kadang-kadang isi buah lanjut ni [ini] juga sedap ditumbuk dijadikan sambal. Dari buah inilah datangnya nama Danau Lanjut tu [itu] tadi.

NS: Bagaimanakah sejarah awal pembentukan penempatan di Kampung Pogoh ini?

Tok Wadi: Emm (berfikir seketika). Sejarah awal ni [ini] ada banyak cerita. Kalau kita rujuk pada dua tiga orang, dia (gugup) dia jadi tiga cerita. Jadi, saya ambik [ambil] satu jelah [sahajalah]. Menurut cerita orang dulu-dulu semasa (memikir) (bunyi kereta) mukim Pogoh ni [ini] baru dibuka, hanya terdapat dalam lebih kurang sepuluh buah rumah sahaja (bunyi batuk). Maaf saya, bukan mukim Pogoh ye, Kampung Pogoh. Kampung Pogoh dibuka hanya terdapat lebih kurang sepuluh buah rumah sahaja di kampung ni [ini]. Selain Tok Lembek, Tok Nolah dan Pawang Khamis bersama keluarga-keluarga mereka yang merupakan penduduk pertama di mukim ini, (bunyi batuk) di kampung ni [ini]. Ada juga lah keluarga lain yang datang untuk tinggal menetap di kawasan ni [ini]. Emm (memikir) ada antara mereka yang datang dari Legi iaitu sebuah kawasan yang terletak 20 kilometer jauh dari Kampung Danau Lanjut (bunyi batuk). Saya pun dah tak [tidak] jumpa lagi Kampung Legi ni [ini] dekat [di] mana dah. Ni [ini] dulu lah, mungkin sekarang nama dia dah lain. Penduduk di Kampung Danau Lanjut pada ketika tu [itu] mendirikan rumah-rumah mereka berdekatan antara satu sama lain. Dinding-dinding rumah mereka biasanya dia orang [mereka] buat daripada kulit kepong. Kulit pokok kepong eh. Sementara daun rumbia dijadikan atap. Semua rumah mereka pada ketika tu [itu] bertiang dan agak



lengkap bagi mereka. Terdapat juga surau kecil yang sama-sama dibina secara gotong-royong oleh penduduk kampung. Di surau itulah, aktiviti ibadah, aktiviti masyarakat kampung dijalankan pada ketika tu [itu] tapi aaa (memikir) tapak surau tu [itu] pun saya pun dah tak [tidak] pasti dimana lah ea (bunyi selakan kertas)

NS: Setelah terbinanya Kampung Danau Lanjut, apakah nama kampung-kampung lain yang dibuka di mukim Pogoh?

Tok Wadi: Ya. Selepas beberapa tahun terbinanya Kampung Danau Lanjut ni [ini], barulah ada kampung-kampung lain yang dibuka seperti Kampung Paya Pulau, Kampung Kenawar, Kampung Pogoh, Tengkoil Bukit Limau, Kampung Tengkoil aaa (memikir), Kampung Bukit Limau Manis, Kampung Chodan, Bukit Senggeh, Kampung Tekam, Kampung Melayu Raya, Kampung Paya Besar. Tapi [tetapi] kampung-kampung ni [ini] dibuka oleh orang luar lah yang datang ke kawasan Pogoh pada masa tu [itu]. Kebanyakan pendatang tersebut terdiri daripada orang-orang Melayu yang berkeluarga besar.

NS: Adakah masjid sudah mula dibina sejak adanya kampung ini?

Tok Wadi: Aaa belum lagi. Aaa (memikir) sebab antara syarat-syarat nak [hendak] bina masjid tu [itu] penduduk kampung ni [ini] mesti nak cukup kan. Jadi, pada masa mula-mula kampung ni [ini] dibuka, hanya ada sebuah surau yang dibangunkan sendiri oleh penduduk kampung. Setelah beberapa tahun, penduduk dah ramai, haa barulah dibina masjid untuk menampung jumlah penduduk yang makin ramai tu [itu].

NS: Pada ketika ini, terdapat berapa buah masjid atau surau yang ada di Kampung Pogoh ini?

Tok Wadi: Kalau untuk spesifik di Kampung Pogoh sahaja, cuma ada satu masjid dan dua surau. Haa ye. Masjid Pogoh, lepas tu [lepas itu] surau Al-Hidayah di Kampung Kenawar dan surau Kampung Lubok Selumar.



NS: Apakah adat istiadat atau tradisi yang diamalkan oleh masyarakat di kampung ini?

Tok Wadi: Kebanyakannya (berfikir seketika), penduduk kampung ni [ini] terdiri daripada orang Melayu dan aaa (memikir), orang Jawa. Jadi, dia tidak ada istiadat-istiadat (bunyi motor) tertentu di kampung ini dan kebanyakannya istiadat ini telah tenggelam disebabkan oleh hukum-hukum agama. Sebab banyak istiadat dulu, kalau yang dibawak [dibawa] daripada Indonesia yang dilarang oleh agama kita lah. Jadi, istiadat yang tertentu tu tak [tidak] ada lah cuma masyarakat Melayu dan Jawa sekarang ni [ini] kira serumpun, yang biasa kita buat ialah aaa (memikir) rewang, gotong-royong dan sebagainya lah. Kalau ada perayaan atau sambutan sesuatu majlis, penduduk kampung ziarah-menziarah antara satu sama lain lah. Tu je [itu sahaja]. Kampung ni [ini], (berfikir seketika) kita sambutlah Maulidur Rasul, Nuzul Quran, Nifsu Syaaban, semua kita sambut. Tu [itu] semua kita buat di masjid, supaya semua penduduk kampung berkumpul di masjid. In shaa Allah.

NS: Berapakah keluasan tanah di Kampung Pogoh ini?

Tok Wadi: Untuk terlalu spesifik saya tak [tidak] dapat nak memberikan angkanya tapi [tetapi] dalam lingkungan lebih kurang 500 ekar. Jadi dalam 500 ekar tu [itu], banyaklah ye, ada yang tanam getah, ada yang tanam sawit. Dari segi pertaniannya banyak getah dan sawit sahaja di Kampung Pogoh ni [ini].

NS: Mengenai sejarah Kampung Pogoh, adakah masih terdapat keturunan Bugis yang masih tinggal di kampung ini?

Tok Wadi: Ok takpa [tidak apa]. Sebab dah tanya saya jawab jugak [juga]. (Berfikir seketika) Memang ada keturunan Bugis tetapi aaa (memikir) budaya-budaya Bugis tu [itu] dah lama takda [tidak ada] dah. Sebab banyak yang orang Melayu kahwin dengan Jawa, orang Bugis kahwin dengan Melayu kan. Jadi lebih banyak adat-adat orang Melayu dan adat-adat orang Jawa jelah [sahaja] yang dibawa haa. Keturunan Bugis tu [itu] memang ada.



NS: Berapakah anggaran jarak kampung ke Bandar Segamat?

Tok Wadi: Aaa lebih kurang tujuh kilometer daripada nak ke Bandar Segamat. (bunyi pen)

SF: Kita akan teruskan temubual kita kepada soalan sosial. Berapakah bilangan penduduk sejak kampung ini mula dibuka?

Tok Wadi: Ok, kalau kita pergi kepada kampung yang di bawah jagaan saya sahaja, Kampung Pogoh Tengah, kita ada lebih kurang 548 orang. Itu saya punya update [kemaskini] setakat aaa (memikir) 31/12/2016.

SF: Apakah etnik yang terdapat di Kampung Pogoh ini?

Tok Wadi: Emm. Kita ada majoritinya orang Melayu, aaa orang Jawa dan orang Bugis ada jugak [juga] lah tapi [tetapi] macam yang saya sebut tadi lah, Bugis pun dah macam Melayu jugak [juga] lah. Cina India takda [tidak ada].

SF: Boleh Tok ceritakan sedikit mengenai carta organisasi di kampung ini?

Tok Wadi: Carta organisasi emm (memikir). Organisasi JKK lah ye? Aaa (memikir), saya selaku Pengerusi JKKK ataupun ketua kampung. Jadi, di kampung ni [ini] kita tak [tidak] ada, takda [tidak] jawatan penolong ketua kampung. Jadi dia terus kepada setiausaha saya lah Encik Hazrin bin Saadan. Selepas itu, kita ada seorang bendahari dan selebihnya kita ada 12 orang ahli jawatankuasa yang terdiri daripada penduduk Kampung Pogoh Tengah tu [itu] sendiri.

SF: Adakah terdapat individu-individu yang berjaya di kampung ini?

Tok Wadi: Ohh (berfikir seketika). Kebanyakan individu yang lahir (tersusul) yang berjaya lahir di Kampung Pogoh tapi [tetapi] mereka ni [ini] tidak menetap di Kampung Pogoh lah. (berbisik)



SF: Adakah terda (tersasul). Terdapat berapa buah sekolahkah di kampung ini?

Tok Wadi: Aaa (memikir) ada sebuah sekolah. Sekolah Rendah (bunyi motor) Kebangsaan Pogoh.

SF: Apakah bentuk institusi pendidikan? (kesilapan)

SF: Berbalik kepada soalan tadi, apakah bes (gugup) bentuk institusi pendidikan yang terdapat di sekolah tersebut?

Tok Wadi: Ok. Aaa saya dah tertinggal tadi, masa soalan yang sebelum tadi. Kita ada satu (tersasul) sebuah Sekolah Rendah Kebangsaan Pogoh dan kita ada sebuah lagi Sekolah aaa (memikir) Agama Kampung Pogoh. Jadi aaa yang sa (gugup) tadi tu [itu] sekolah aliranya sekolah kebangsaan, yang sebuah lagi tu [itu] memang sekolah agama lah.

SF: Apakah aktiviti-aktiviti di masjid yang sering dilakukan?

Tok Wadi: Oh, masjid ni [ini] dia banyak aktiviti. Kita ada kuliah Subuh, kita ada kuliah Maghrib setiap hari Jumaat, kita ada kuliah Maghrib hari Ahad dan hari Rabu dan setiap hari Khamis, kita ada majlis bacaan Yasin dan tahlil. Emm (memikir) hari Ahad, kita ada kelas tajwid selepas Maghrib. Tu [itu] untuk orang lelaki. Untuk orang perempuan kita buat selepas solat Jumaat. Banyak lah lagi. Kalau apa-apa je sambutan aaa untuk orang Islam, yang saya ada sebut tadi Nifsu Syaaban, Maulidur Rasul, apa lagi, Nuzul Quran apa lagi Awal Muharram. Haa tu [itu] semua kita, kita buatlah sambutan tu [itu] di masjid.

SF: Bagaimana pula dengan penglibatan penduduk di kampung ini dengan aktiviti-aktiviti di masjid?

Tok Wadi: Em (memikir). Soalan tu [itu] menarik tu [itu], sebab ni [ini] tahun 2017, jadi makin (bunyi motor) lama (bunyi berdehem) saya lihat makin kurang penglibatan masyarakat kampung di masjid. Haa sedih lah sebab kadang-kadang bila [apabila] pergi masjid tu [itu], untuk aktiviti sebelah malam, Maghrib, Isyak. Kadang-kadang yang paling mudanya saya. Yang ada kat [di] masjid sekarang ni [ini] warga-warga



emas, anak-anak muda jauh daripada masjid. Kita pun tak [tidak] tahu di mana silapnya. Kalau ditanya tentang penglibatan masyarakat kampung untuk majlis-majlis yang besar yang tertentu yang saya sebutkan tadi, ada lah. Tapi untuk hariannya kurang.

SF: Pada bulan Ramadhan, apakah aktiviti-aktiviti yang sering dilakukan di masjid untuk merapatkan ukhwah sesama penduduk?

Tok Wadi: Aktiviti biasa, semua masjid ada buat lah. Kita malam, kita ada tadarrus, selain daripada solat sunat tarawikh ye. Kadang-kadang kita berbuka puasa beramai-ramai di masjid. (bunyi besi). Kita buat bubur lambuk dan sebagainya lah.

SF: Bagaimana penglibatan dan persatuan belia di kampung dengan aktiviti-aktiviti di kampung?

Tok Wadi: (Berpikir seketika). Belia, kita ada satu. Dulu kita namakan apa dia, Persatuan Belia Wawasan Pogoh (memikir). Belia pun bemaung di bawah JKK. Jadi kebanyakannya aktiviti belia adalah aktiviti JKK jugak [juga] lah. Aktiviti JKK pun belia jugak [juga] lah yang bantu.

SF: Adakah penglibatan tersebut hanya untuk belia kampung sahaja atau terbuka kepada belia kampung lain?

Tok Wadi: Emm setakat ni [ini] kita buat untuk kampung kita sahaja lah kalau aktiviti tu [itu] untuk, untuk masyarakat kampung.

SF: Pada pendapat Tok, apakah impak sekiranya belia bergaduh dan tidak bersatu?

Tok Wadi: (Berpikir seketika) (Berbisik) Aaa. Ini, ini lah masalah penyakit orang Melayu sekarang ni [ini]. Dia ada cemburu, iri hati, hasad dengki sesama dia kan. Jadi, saya sebagai pemimpin bila [apabila] tengok anak-anak buah bergaduh, berpecah berpuak-puak tu [itu] memang menjadi perkara yang merisaukan kita lah. Bila (memikir) belia ni [ini] di kampung memang majoritinya, bukan majoritinya memang 100 peratusnya adalah anak-anak Melayu kan. Bila anak-anak Melayu dah



berpecah kerana jawatan-jawatan di dalam persatuan, haa tu [itu] memang cukup merisaukan kita lah. Maknanya berlaku apa-apa masalah di kampung dia dah membawak [membawa] satu sikap yang saya boleh panggil 'aku-aku, kau-kau'. Dia, kurang penglibatan lah bila nak membantu, bila dah berpuak-puak. Itu pada pendapat saya. (bunyi pen)

SF: (Berfikir seketika) Bagaimana penduduk bermesyuarah sekiranya ada masalah atau hal berkaitan kampung?

Tok Wadi: Okay [baiklah], untuk memudahkan kerja saya sebagai ketua kampung, saya telah melantik 12 orang ahli jawatankuasa mengikut zon masing-masing. Jadi setiap lorong tu [itu], ada ahli jawatankuasa saya. Jadi, orang-orang ini telah saya pertanggungjawabkan untuk (gelak), untuk aaa (memikir) sentiasa berkomunikasi dengan pemu (gugup) penduduk di zon mereka. Berlaku apa-apa masalah, penduduk-penduduk ni [ini] akan menghantar laporan kepada jawatankuasa saya, jadi barulah dia (tersasul) kita bawak [bawa] dalam mesyuarat jawatankuasa kami sendiri. Mesyuarat JKK yang kita adakan setiap bulan. Jadi apa yang kita boleh selesaikan di peringkat kita sahaja, kita selesaikan. Yang tak [tidak] boleh baru kita bawak [bawa] kepada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

SF: Bagi pendapat Tok, adakah program dan aktiviti yang dilakukan di kampung ini dapat mengelakkan belia dari kegiatan negatif?

Tok Wadi: Emm belia hari ini dia makin jauh daripada aktiviti kemasyarakatan. Sebab pada zaman saya belia dulu, yang mungkin 25 tahun yang lepas, aaa kami masih lagi aaa (memikir) bermain di kampung sahaja. Kalau dulu daripada Pogoh nak keluar, yang ada cuma jalan motor je [sahaja], jalan kereta pun tak [tidak] ada. Sekarang ni [ini], masing-masing dah ada kenderaan, masing-masing dah ada handphone, smartpone [telefon bimbit] kan. Jadi, emm memang, soalnya tadi apa? Kurang penglibatan eh? Haa memang kurang la sekarang ni [ini] penglibatan daripada (gugup) belia ni [ini] khasnya pada aktiviti kampung.



SF: Adakah Kampung Pogoh ini pernah bekerjasama dengan kampung-kampung lain untuk mengadakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan?

Tok Wadi: Ada. Aaa. Kita buat sukan rakyat dua tahun sekali dan kita bergabung dengan penduduk Kampung Pogoh Tiga, Kampung tegap (tersasul) Tekam, Kampung Chodan. Sukan rakyat ni [ini] maksudnya pertandingan menganyam ketupat, pertandingan memasak, pem (tersasul) pertandingan tarik tali, apa lagi aaa (memikir) sepak takraw, pertandingan panjat tiang licin (memikir), macam-macam lagi lah.

SF: Dimanakah tempat yang selalu diadakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan tersebut?

Tok Wadi: Oh, biasanya kami buat di kawasan balai raya la, di kaw (tersasul) di padang bola sepak Kampung Pogoh tu [itu]. Dan kami pun kadang-kadang pergi ke kampung sebelah pulak [pula]. Contohnya, Kampung Pogoh Tiga ni [ini] dia buat pertandingan memancing, (bunyi motor) jadi kita bergabung menganjurkan program tu [itu] yang melibatkan masyarakat kampung sahaja, antara dua kampung tulah.

SF: Difahamkan ada terdapat pelbagai aktiviti-aktiviti dan pelbagai etnik di kampung ini, bagaimana perpaduan antara satu sama lain?

Tok Wadi: Emm (berfikir seketika). Seperti yang saya ada sebut tadi lah ad (tersasul) masyarakat ni dia ber (gugup) berbagai-bagai peringkat pemikiran dan perangai lah. Ada yang memang aktif, campur, ada yang (memikir) memang aaa dia buat macam style [gaya] duduk di bandar la. Pagi pergi kerja, petang balik. Tak [tidak] keluar-keluar rumah, tak [tidak] campur orang. Ada orang meninggal pun tak [tidak] tahu. Aaa ye, ada, sekarang dah berlaku di kampung. Kalau dulu, majlis kerja kahwin, kita gunakan anak-anak belia untuk rewang, untuk meng aaa apa mengangkat hidangan dan sebagainya. Tapi sekarang ni [ini] majoritinya bila buat kerja kahwin aje [sahaja] terpaksa ambik [ambil] catering kan. Haa sebab budak-budak yang nak mengangkat pinggan mangkuk dah tak [tidak] ada. Di kampung pun sekarang ni pun dah mula ada aaa emm memasak pun dah panggil-panggil catering dah tak [tidak] ada rewang lagi dah. Haa itu yang berlaku di mana-mana kampung sebenarnya, tapi [tetapi] masih ada lagi lah yang orang kata aaa (memikir) buat majlis kerja kahwin masak ramai-ramai masih ada lagi.

**SF: Bagaimanakah agihan tugas apabila ada program yang ingin dilakukan?**

Tok Wadi: Program? (bunyi berdehem). Biasanya, macam, macam biasa lah kita akan mesyuarat dulu, mesyuarat. Kita panggil yang wajib hadir semua ahli jawatankuasa kita kan. Sebagai contohnya, kita nak [hendak] buat sukan rakyat tadi tu [itu], bila nak [hendak] buat sukan rakyat, jawatankuasa 12 orang je tak [sahaja tidak] cukup kan. Jadi saya kena panggil jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang melibatkan banyak peri (tersasul) apa ni, peringkat golongan umurlah haa untuk menjadi orang yang person in-charge [orang yang dipertanggungjawabkan] untuk setiap, setiap apa tu [itu] sukan ataupun aktiviti yang terlibat lah.

SF: Adakah Kampung Pogoh ini pernah terlibat atau pernah disiarkan di televisyen?

Tok Wadi: Belum pernah lagi, belum pernah.

SF: Adakah kampung ini pernah mendapat apa-apa sumbangan dari orang luar?

Tok Wadi: Sumbangan biasanya datang aaa untuk golongan kurang upaya, contohnya warga emas, contohnya ibu tunggal, contohnya anak yatim dan Alhamdulillah la sampai hari ini memang banyak NGO, swasta, aaa (memikir), daripada yang berhormat-yang berhormat, daripada Umno bahagian, banyak sumbangan datang untuk kampung kami lah. Itu sumbangan berbentuk bantuan makanan, sedikit wang ringgit lah tapi dari kalau segi sumbangan pembangunan, kita lebih bernaung di bawah pejabat daerah dan ahli parlimen dan wakil rakyat adun macam tu [itu] lah.

SF: Kemungkinan terdapat beberapa keluarga yang kurang berpendapatan di kampung ini. Apakah sumbangan yang diberikan untuk membantu keluarga tersebut?

Tok Wadi: Ok emm sebenarnya aaa yang kurang berpendapatan ni [ini] (gugup) berpendapatan rendah ni [ini] miskin lah. Dia ada kategori dia, kategori tu standardnya [piawaiannya] telah ditetapkan oleh Pejabat Daerah, oleh j (tersasul) Jabatan Kebajikan dan Majlis Agama Islam ye. Contohnya, orang tu [itu] gaji dia 5000 tapi anak 10, anak 10, campur dia, campur isteri dia lagi dah 12, tanggung mak mertua pulak [pula] lagi dah jadi 13, jadi 5000 bahagi 13 dah jatuh berapa ratus je



kan. Jadi dekat [di] situ, walaupun gajinya 5000 tapi [tetapi] dia miskin. Haa kan. Jadi orang-orang ni, dia layak untuk kita bantu. Begitu juga dengan ibu tunggal yang di (tersasul) maknanya mungkin balu ataupun ditinggalkan suami, maknanya dia tak bekerja. Kalau, kalau bekerja pun mungkin menoreh je [sahaja] di kampung. Jadi pendapatannya tak tinggi nak tanggung anak-anak lagi kan. Orang ni [ini] kita bantu. Anak yatim, ayahnya dah meninggal kan, pun kita bantu. Warga emas, ada tanah, ada tanah getah lima enam ekar, tapi dah warga emas dah tak boleh dah, kita bantu. Siapa yang bantu, haa ketua kampung aaa kena pantau pergi ke rumah buat siasatan, kalau rasa layak, ketua kampung kena tolong isikan borang, bantuan kewangan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat atau Majlis Agama Islam. Lepastu [selepas itu] ada jugak orang yang aaa (memikir) macam contohnya sakit buah pinggang, kena stroke, kan, jadi ada jugak [juga] bantuan daripada kerajaan, bantuan kesihatan. Contohnya ada satu orang maccik di kampung tu [itu], dia dah tak [tidak] daya dah nak [hendak] bangun, jadi kita belanja pampers dia sebulan beratus, kan. Jadi kita kena dapatkan bantuan daripada kerajaan untuk bagi dia bantuan pampers sebab dia tak [tidak] boleh bangun dah. Ada yang perlukan kerusi roda, ada yang perlukan katil beroda, macam-macam (bunyi motor). Macam-macam yang kerajaan dah bagi sekarang ni [ini] untuk masyarakat kampung (nada perlahan).

NS: Pernahkah Kampung Pogoh ini dilanda banjir?

Tok Wadi: Selalu. Banjir, banjir di Kampung Pogoh ni dah [ini sudah], daripada dulu lagi lah masalahnya cuma aaa kerajaan yang saya tengok dah ambik [ambil] satu pendekatan yang aaa long term [jangka masa panjang] punya lah ye long term [jangka masa panjang] dan drastik iaitu dia, kerajaan telah meluruskan sungai-sungai dan membesarkan muara-muara sungai ni [ini] lah. Hampir setiap tahun berlaku banjir di Kampung Pogoh.

NS: Dimanakah kawasan yang kerap berlaku banjir?

Tok Wadi: Di Kampung Pogoh ni, emm kawasan yang paling kerap berlaku ialah di kampung rangkaian kami lah iaitu Kampung Seberang Batu Badak, Kampung Seberang Batu Badak haa then [kemudian], Tengkoil dan Kampung Lubok Selumar .



NS: Bilakah tahun banjir yang paling besar pernah tercatat?

Tok Wadi: Banjir yang paling besar pernah tercatat masa tu [itu] saya dilahirkanlah. Agaknya sebab, sebab saya lahir tu [itu] banjir besar agaknya. Tahun 1972. Masa tu [itu] pusat banjir pun kena air.

NS: Berapakah jumlah mangsa banjir yang paling ramai tercatat? Tahun bilakah?

Tok Wadi: Jumlah mangsa banjir yang paling ramai sekali adalah pada tahun 2006. 2006 aaa masa tu [itu] banjir besar yang melibatkan Kampung Lubuk Selumar, Kampung Tengko, Kampung Seberang Batu Badak (bunyi selakan kertas) jadi jumlahnya emm kejam [sebentar] ye (mencari maklumat). Saya pun dah tak [tidak] ingat dah. (bunyi selakan kertas) Hampir 150 orang, hampir 150 orang.

NS: Adakah pernah terjadi kes-kes mangsa yang meninggal dunia akibat banjir?

Tok Wadi: Belum pernah. Kalau di bawah saya belum pernah (bunyi pen).

NS: Menurut Tok, apakah punca sering terjadinya banjir di Kampung Pogoh ini?

Tok Wadi: Ok. Kampung Pogoh ni [ini] aaa (memikir) dari segi sudut geografinya dia terletak di aaa (memikir) lembangan perjumpaan dua buah sungai utama. (bunyi motor) Sungai panggil buah ke apa, dua batang eh, dua batang? Dua batang sungai utama iaitu Sungai Muar yang hulunya terletak di Negeri Sembilan eah dan Sungai Segamat yang hulunya terletak di Bekok sana, di empangan Juaseh sana. Jadi bila dua sungai utama ni [ini], aaa dilanda hujan yang lebat, jadi dia bertemu (memikir) di kawasan Kampung Pogoh. Pencantuman dua cabang sungai ini tadi lah yang melimpah, aaa menyebabkan Kampung Pogoh banjir. Contohnya, hujan di Negeri Sembilan, di hulu Sungai Segamat tak [tidak] hujan, Pogoh tetap kena banjir sebab air daripada hulu di Negeri Sembilan melimpah di Pogoh. Katalah di Negeri Sembilan tak [tidak] hujan tapi di hulu Sungai Segamat tu [itu] di Bekok sana hujan, pun Pogoh boleh dilanda banjir. Maknanya kalau sini, sini hujan banjir, sini hujan pun banjir. Inikan pula kalau dua-dua hujan. Itu yang jadi teruk pada tahun 2006. Hampir 14 hari lah, kami semua jawatankuasa terpaksa tidur dibalai raya bantu mangsa banjir tu [itu].



NS: Adakah Kampung Pogoh ini mendapat sumbangan dari pihak kerajaan ketika berlakunya banjir?

Tok Wadi: Tu [itu] memang tentu. Aaa (memikir), kerajaan pusat dan (tersasul) amnya dan kerajaan negeri khususnya lah memang mengambil berat bab ini dan kami diarahkan untuk sentiasa menyimpan data. Macam saya tunjukkan fail tadi kan. Kita kena ada data semua mangsa banjir daripada umur bayi sampailah ke umur warga emas, kita kena ada berapa orang, berapa ratus orang. Lepastu [selepas itu] kerajaan nak [hendak] pasal bantuan makanan tu [itu] hari-hari dia hantar. Tengahari dia hantar, petang dia hantar. Lepastu [selepas itu], dah selesai banjir, kerajaan ak (tersasul) melalui NGO-NGO juga (gugup) akan hadir untuk bantu melalui JPAM, melalui apa lagi, Rela, bantu bersihkan rumah-rumah orang ni [ini] semua, mangsa banjir ni [ini]. Alhamdulillah, aaa (memikir) berapa puluh biji rumah kan, jadi dapat dibersihkan. Selepas itu, kerajaan bantu kalau tak [tidak] silap saya 500 ringgit untuk setiap satu rumah. Bukan pampasan, tetapi bantuan daripada kerajaan.

NS: Sekiranya berlaku banjir besar di kampung lain, adakah Kampung Pogoh ini turut sedia membantu menyediakan tempat perlindungan dan sumbangan kepada mereka?

Tok Wadi: Emm (bunyi selsema). Setakat ni, aaa kalau berlaku banjir kebiasaannya aaa (memikir) kalau Pogoh dah banjir maknanya yang lain pun banjir jugak [juga]. Tapi kalau andai kata kat [di] tempat kami tak banjir, kampung sebelah banjir, dan aaa (memikir) pusat pemindahan dia pun dah penuh, kita takda [tidak ada] masalah untuk dorang [mereka] menumpang di tempat kita lah. Kita akan bantu. In shaa allah (nada perlahan).

NS: Sekiranya penempatan bagi mangsa banjir tidak mencukupi, adakah Tok bercadang untuk membuka penempatan atau dewan baru untuk mangsa banjir?

Tok Wadi: Ini pengalaman yang kita dah tempuh pada 2006 lah. Yang mana aaa. Dan pusat pemindahan banjir kami tu [itu] besar tapi disebabkan bila dah terlampau ramai dah penuh jadi kami terpaksa menumpang di kompleks penghulu mukim Pogoh dan juga kami terpaksa menumpang di, aaa (memikir) masjid Kampung Pogoh la. Itu dijadikan pusat pemindahan kecil lah. Haa pusat pemindahan utama masih lagi di bangunan pusat, pusat pemindahan banjir Kampung Pogoh la.



NS: Pada pendapat Tok, dimanakah lokasi yang sesuai bagi penambahan pusat pemindahan banjir?

Tok Wadi: emm, (memikir) lokasi yang paling sesuai sekali emm (gugup) ditanah-tanah kerajaan yang di atas bukit lah, ha. Kalau buat pusat pemindahan banjir kat [di] tempat tanah rendah tak [tidak] guna juga kan.

NS: Selain banjir, adakah berlaku kes-kes yang lain seperti jenayah atau musibah?

Tok Wadi: emm, musibah biasanya kalau dikampung ni [ini] ah (menghembus nafas) macam kemarau camtu [macam itu] ya, tapi kita tak [tidak] merasakan sangat lah emm (memikir) banjir, musibah aaa (memikir) penyakit-penyakit serius berjangkit tak ada. Aaa jenayah ya? Jenayah jarang sangat berlaku sebab aaa (memikir) kampung kami tak cukup besar jadi kami mengenali antara satu sama lain lah aaa kecuali jenayah yang dibuat oleh orang luar ke kampung kami. Kalau setakat anak kampung tu, kami tahu dah. Biasanya jenayah ni ada jugak lah kadang-kadang, aaa (memikir) pecah rumah kan tapi bukan orang kampung la, orang luar.

NS: Menurut encik, apakah tindakan yang patut AJK-AJK kampung atasi jika adanya masalah seperti ini?

Tok Wadi: Masalah jenayah tadi tu?

NS: Ya

Tok Wadi: Okay [baiklah]. Jadi kita sebagai ketua kampung aaa (memikir) kita buat kerja berlandaskan undang-undang lah ya. Jadi yang pertama sekali aaa (memikir) kita akan buat laporan bila berlaku jenayah tu [itu] orang pecah rumah, orang curi getah kan, kita buat laporan polis. Tapi [tetapi], kita pun maklum setakat mana polis boleh meronda kan. Jadi tu [itu] kita letakkan bawah tanggungjawab orang kampung. Cuma di kampung ni [ini] kita tak ade [tiada] rukun tetangga. Rukun tetangga ini untuk kawasan taman je [sahaja], di kampung tak ada [tiada] aaa (memikir) jadi kami lebih kepada aaa rela dan sukarelawan. Haa ye. Biasanya pusat pentadbiran kita ialah di aaaa (memikir) balai raya lah ya. Kita buat rondaan bermula daripada pukul 12 malam sampai pukul 5 pagi, itu saja. Kita anggap pukul 11 lebih tu orang belum tidur lagi, pkul 12 orang dh tidur. Haa sampai lah pukul 5 pagi kita buat 2 shift [waktu



bekerja]. Tu terdiri dari masyarakat kampung lah takde takde [tiada] melibatkan orang luar. Haa tu langkah pencegahan kita lah.

NS: Kita teruskan temubual kita mengenai soalan ekonomi.

NS: Boleh Tok ceritakan keadaan bentuk muka bumi di kampung Pogoh ini samada berbukit, landai, atau jalan yang sempit?

Tok Wadi: emm umphh (berdehem). Kampung pogoh ni [ini] kawasan dia (berdehem) kebanyakannya aaa (memikir) berbukit bukau dan ada jugak kawasan yang kawasan rendah. Sebab itu banyak berlaku banjir. Aaaa (memikir) dari segi (bunyi selakan kertas) sudut aaa... kawasan tinggi kebanyakannya penduduk menanam sawit dan getah. Aaa (memikir) saya terlupa tadi, kami ada juga kawasan penternakan lembu, kerbau, kambing. Aaa (memikir) kawasan tu [itu] adalah kawasan tanah rizab kerajaan yang diletakkan dibawah penyeliaan Jabatan Haiwan dan Veterinar Segamat aaa (memikir) dipanggil kawasan padang ragut. Memang khas kawasan tu [itu] memang untuk untuk masyarakat kampung mohon dengan Pejabat Haiwan untuk nak [hendak] bela lembu, bela kerbau, bela kambing dan sebagainya lah. Tapi [tetapi] kawasan tu [itu] memang kawasan tenggelam banjir lah.

NS: Boleh Tok jelaskan adakah terdapat apa-apa projek ekonomi di kampung Pogoh ini?

Tok Wadi: Ok, aaa umpp (berdehem). Setakat hari ini projek ekonomi semuanya dijalankan secara individu aaa (memikir) tidak ada industri ekonomi pun di Kampung Pogoh. Tapi [tetapi] sebagaimana yang saya sebut tadi, 2 tahun yang pertama saya berniat untuk aaa (memikir) melengkapkan infrastruktur di kampung saya. 2 tahun kedua adalah untuk saya memperbanyakkan lagi program-program untuk menyatupadukan penduduk kampung. 2 tahun yang ketiga barulah saya akan cuba untuk melaksanakan projek-projek ekonomi yang boleh melibatkan penduduk kampung tetapi, dibawah seliaan JKK ya.

Sebagai contohnya, kami takda [tiada] banyak tanah kerajaan di Kampung Pogoh, jadi aaa (memikir) kita, saya merancang supaya untuk mengadakan aaa (memikir) satu projek aaa (memikir) ternakan ayam kampung secara besar-besaran di Kampung Pogoh yang melibatkan penduduk kampung. Seolah-olah macam koperasi



jugak [juga] lah. Seolah-olah penduduk kampung ada share [saham] dalam projek tu [itu]. Dalam masa yang sama kita dapat meningkatkan ekonomi penduduk kampung.

Yang keduanya kita dapat mengurangkan kadar pengangguran anak-anak muda di kampung. Tapi [tetapi] itulah masalah nya kadang-kadang anak muda ni [ini] kerja kampung dia taknak [tidak mahu] tapi [tetapi] dia duduk kampung kan. Ha kita nak buat tu [itu], projek temakan ayam-ayam kampung. Haa (memikir) saya pun dah search [cari] dah, ada tempat-tempat untuk pergi kursus dan kalau projek-projek tanaman di kampung kami ini kebanyakannya tanah-tanah yang tinggi semuanya dah [sudah] ada milik individu, dah susah. Tanah kerajaan yang ada kebanyakannya tenggelam banjir. Jadi kita tak [tidak] dapat nak buat projek tanaman.

Saya dah pernah umm (memikir) mengusahakan beberapa ekar tanah kerajaan tapi aa kita tanam dengan apa (bertanya) limau purut kan, tapi tenggelam banjir. Haa jadi kat [di] situ bukanlah berputus asa tapi tengah berfikir apa nak buat dengan tanah-tanah tu [itu]. Tapi tanah tu [itu] kosong, tak [tidak] tanam apa-apa. Bela binatang kang [nanti] malam-malam ada orang curi, kan. Aah itulah jadi, projek ekonomi tu [itu] memang ada, Cuma saya belum sampai ke fasa itu lagi. Saya masih lagi dalam fasa melengkapkan segala infrastruktur kemudahan awam yang ada dalam kampung saya. Itulah. (berdehem)

NS: Pada waktu ini apakah jenis ekonomi yang dijalankan di Kampung Pogoh?

Tok Wadi: Aaa (memikir) saya dah [sudah] sebut tadi, projek ekonomi aaa (memikir) semua ni [ini] dijalankan secara individu sekarang ni [ini]. Yang menoreh, menoreh. Yang ada sawit, ada sawit. Yang pegi [pergi], aa yang bela lembu, kambing pun semua sendiri-sendiri. Begitu jugak kita ada ramai jugak nelayan darat di kampung. Maksud nelayan darat ni [ini] dia tangkap ikan sungai lah. Aaa ye, ramai jugak. Tapi [tetapi], belum ada lagi projek ekonomi yang berkelompok ataupun yang kita boleh panggilkan satu industri lah, belum ada lagi.



NS: Secara purata, boleh Tok klasifikasikan dan nyatakan kedudukan ekonomi penduduk-penduduk di kampung ini? Samada miskin, sederhana atau berada.

Tok Wadi: emm (memikir). Berada tak [tidak] ramai. Aaa (memikir) golongan sederhana ya lah. Majoritinya golongan sederhana yang berpendapatan isi rumahnya dibawah 3 ribu ringgit [RM 3000] lah.

NS: Adakah Kampung Pogoh ini mempunyai perusahaan sendiri?

Tok Wadi: Belum lagi, belum ada lagi.

NS: Apakah bangunan terawal yang mula dibina di Kampung Pogoh?

Tok Wadi: Emm (memikir). Bangunan terawal, antaranya terawal yang kita masih nampak lagi, satu masjid. Aaa, yang keduanya sekolah Pogoh itulah. Sekolah Pogoh tu [itu] mak [emak] saya pun bersekolah di sekolah pogoh. Maknanya daripada tahun berapa, 60 an dah[sudah] ada dah, 60-an 50-an saya rasa dah[sudah] ada.

NS: Apakah perubahan yang dapat dilihat di kampung ini dari mula dibina sehingga sekarang?

Tok Wadi: Banyak, banyak sangat perubahan. Saya boleh katakan 98 peratus semua jalan-jalan, jalan-jalan utama, jalan-jalan kampung rangkaian telah premix [jalan tar] lah. 98 peratus, 2 percent [peratus] lagi saya sedang usahakan.

NS: Apakah kemudahan-kemudahan yang terdapat di kampung ini?

Tok Wadi: Kemudahan? Aaa (memikir) kalau dari segi bangunan kerajaan kita ada balairaya, kita ada pusat pemindahan banjir, kita ada pusat pentadbiran Rela. Kita ada klinik desa aaa (memikir) yang lain-lainnya masjid dan surau-surau lah.

**NS: Apakah tujuan kemudahan tersebut?**

Tok Wadi: Tujuan? Klinik desa, kalau dekat kampung ni [ini] aaa (memikir) dia lebih kepada ibu-ibu mengandung lah kan. Haa (memikir) mungkin kecemasan-kecemasan kecil tu [itu] boleh lah di klinik desa. Yang lain-lain tu [itu], balairaya tu [itu] pusat setempat lah, itu tempat program kemasyarakatan. Ha pusat banjir memang pusat penempatan untuk mangsa-mangsa banjir.

NS: Apakah kemudahan pengangkutan yang digunakan di kampung ini sebelum jalan raya dibina?

Tok Wadi: oohh, jalan raya di kampung Pogoh ni [ini] aaa dia (berfikir seketika) saya rasa boleh dilalui oleh kereta pada awal 70-an. Sebelum tu [itu] masih lagi untuk basikal dan motosikal. Kalau sejarah awal dulu-dulu punya cerita, aaa (memikir) kalau orang kampung Pogoh nak pergi ke Segamat, nak pergi berbelanja bagi yang takde [tiada] basikal, jalan kaki. Jadi, jalan kaki tu, aaa (memikir) keluar pagi kadang-kadang nak balik tu tak [tidak] sempat sampai Pogoh, kena tumpang rumah sapesape [sesiapa] yang ada di paya pulai, dan sebagainya sebab jauh, jauh. Jadi aaa (memikir) soalnya apa tadi? Apakah yang digunakan sebelum jalan raya dibina, iya lah, kekal dengan itulah aaa (memikir) kalau orang daripada Kampung Tekam sana, dia naik bot. Haa dia naik bot terus sampai keluar ke Paya Pulai. Berhari- hari la tu [itu].

SF: Apakah mercu tanda atau infrastruktur yang menjadikan kampung ini menarik.

Tok Wadi: Menarik? Aaa (memikir) setakat ni [ini] saya rasa belum ada mercu tanda menarik lagi lah di kampung saya. Bagus soalan tu [itu], saya kena fikir sesuatu.

SF: Apakah kawasan tarikan yang menarik di Kampung Pogoh ini?

Tok Wadi: (berfikir seketika) mmm.. tak ada [tiada], takde [tiada]

(latar suara orang bisings)



SF: Bolehkah Tok menjelaskan struktur pembinaan kampung dari permulaan sehingga kini?

Tok Wadi: Struktur?

SF: Pembinaan kampung (mencelah)

Tok Wadi: Pembinaan kampung. Aaa (memikir) kalau dari segi sudut susunan penempatan ni, ni memang daripada sejarah orang-orang dulu-dulu lah, yaa. Sebab orang dulu-dulu dia teroka kawasan kampung ni [ini]. Bila dia, aaa atok nenek kita dulu dia teroka jadi aaa (memikir) mana yang pandai tu dia terus dah mohon geran dengan kerajaan. Jadi dia teroka sampai 10 ekar, 6 ekar, 5 ekar kan, mana yang mampu lah. Aaa (memikir) jadi jajaran kampung tu [itu] sendiri kalau kita tengok kebanyakannya satu lorong tu sedare [saudara] je aaa lorong sebelah sana geng-geng, eh bukan geng-geng. Maknanya sedara mara dia ah, maknanya asal-usul ni [ini] daripada atok dan nenek yang sama. Aaa (memikir) gitu. Tapi jalan utama memang kerajaan amik [ambil] alih lah ke Paya Pulai sampai lah ke Kampung Tekam tu [itu]. Haa tu [itu] dia (suara halus).

SF: Adakah kampung ini pernah terpilih untuk mengadakan program-program ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan?

Tok Wadi: Program-program ekonomi? (nada bertanya). Belum pernah lagi.

SF: (mencelah) macam ekspo makanan halal ke

Tok Wadi: aa takde [tiada] , tak [tidak] pernah lagi, belum.

SF: Apakah sumbangan kampung ini terhadap pembangunan ekonomi Negara?

Tok Wadi: (berfikir seketika). Aaah (mengeluh), sumbangannya kecil je [saja] lah. Sebab apa, emm (memikir) majoritinya pertanian kan. Jadi getah dan sawit, aaa (memikir) adalah sumbangannya, tapi [tetapi] tak [tidak] besar lah.

**SF: Apakah perancangan untuk menambah infrastruktur di kampung ini?**

Tok Wadi: perancangan untuk menambah infrastruktur, emm (memikir) yang pertama sekali aaa saya merancang supaya JKKK itu sendiri mempunyai bangunan pejabat dia sendiri lah, macam saya, haa kita kena ada pejabat pengerusi JKK, pejabat ketua kampung lah. Kena ada bilik mesyuarat yeh [ya]. Tapi disebabkan peruntukan 2017 dah selesai, jadi saya kena tunggu peruntukan 2018 lah. Itu untuk kemudahan JKK dan untuk orang ramai jugak [juga]. Sebab apa. Aaa (memikir) se (gugup), setakat hari ini saya menggunakan pejabat perniagaan saya sendiri ni [ini] sebagai pejabat JKK. Aaa (memikir) jadi, InsyaAllah pada tahun depan ada, aa dan seterusnya jadi saya ada sebut 98 peratus jalan-jalan semuanya telah di (gugup), di letakkan premis. Ada 2 peratus lagi, itu target saya untuk 2018 lah. Itu jalan-jalan aaa (memikir) di kampung-kampung rangkaian, aaa (memikir) selebihnya ada lagi kita nak [hendak] menerangkan kampung di sebelah malam. Sebab kampung yang terang ni [ini] bagus, mengelakkan penjenayah. Ada lagi lah lampu-lampu jalan yang kita nak mohon, daripada kerajaan untuk dipasang lah, umph (berdehem) di lorong-lorong tertentu. Aaa (memikir) itu saja lah kalau dari segi infrastrukturnya.

SF: Dari manakah kampung ini mendapat dana serta sumbangan biaya bagi pembaharuan pembangunan di masa yang akan datang?

(bunyi kereta)

Tok Wadi: oh aaa (memikir) dana biasanya aaa daripada kerajaan sama ada daripada Kerajaan Negeri ataupun daripada Kerajaan Pusat. Aaa kalau saya mohon daripada Ahli Parlimen, makna itu peruntukan daripada Kerajaan Pusat. Tapi kalau saya mohon daripada pihak Adun, wakil rakyat kita, itu adalah dana peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Umm kebiasaanya daripada dua tu lah, ataupun saya direct [terus] terus ke Pejabat Daerah pun boleh juga. Itu peruntukan daripada Kerajaan Negeri lah, kerajaan Negeri Johor. (berfikir seketika).

Jadi sekarang ni [ini] macam kita di kampung. Kita, aa JKK, khasnya saya lah, sentiasa je [saja] aaa pusing-pusing kampung, tengok apa lagi yang kurang kan. Kalau macam di bahu-bahu jalan kita rasa, kita perlu pas (gagap) aa letakkan longkang, jadi kita kene mohon lah. Mohon dengan YB Parlimen ataupun YB Adun ataupun dengan Pejabat Daerah ya, kalau kita tengok sungai-sungai di kampung kita tu [itu] dah teruk semak dah [sudah], dah banyak tersumbat dah, jadi kita kene buat



surat kepada Jabatan Pengairan dan Saliran untuk dibantu bersihkan sungai, dapat mengurangkan risiko banjir.

Dan peruntukan-peruntukan ini pula, aaa (memikir) kita pun kena faham macam Ahli Parlimen, dia ada peruntukan berapa juta setahun dan beberapa juta setahun tu pun bukanlah untuk kampung kita saja, satu parlimen kan. Aaa ade berapa, ada aaa (memikir) 13 ke 14 kampung haa dalam Parlimen Sekijang kan. Aaa jadi, kita kena buat surat rasmi mohon kepada YB Parlimen, aa kena beritahu kita nak [hendak] apa, nak buat apa, berapa kosnya. Nanti YB akan luluskan dan dia akan serahkan kepada Pejabat Daerah sebagai agensi pelaksana. Baru Pejabat Daerah akan cari ketua kampung. "Tok, kat [dekat] mana nak [hendak] buat longkang, kat mana nak buat jalan?" haa camtu [macam itu] lah.

Sama jugak [juga] saya mohon dengan YB yang berhormat YB Ayob, kita punya Adun kawasan Kemelah, sebab Pogoh ni, Mukim Pogoh terletak di bawah Adun Kemelah. Haa kalau parlimen nya di bawah Parlimen Sekijang. Itu (gugup) Adun Kemelah YB Ayob, YB Parlimen Sekijang, YB Anuar Manaf. Haa kan, jadi dua-dua orang ni pun pernah buat talk [ceramah] dekat UiTM saya rasa, saya hadir masa tu [itu]. Okay, aaa (memikir) lulus ke tak [tidak] lulus, bukan saya yang menentukan, dia yang menentukan. Tapi agensi pelaksanaanya mesti agensi kerajaan, ha pejabat daerah la. So [jadi] contohnya saya kata, saya nak besarkan belakang masjid, aaa (memikir) ruang-ruang makan untuk kawasan masjid kan, (bunyi kenderaan) aa itu kita mohon dari ahli-ahli parlimen lah. Contohnya bumbung-bumbung masjid, bumbung surau, bumbung balairaya bocor, kita mohon peruntukan daripada YB untuk baik pulih. Rasa tangga tu [itu] curam sangat kita nak [hendak] landaikan, semua tu [itu] kita mohon daripada YB-YB kita. Sebab itu dinamakan wakil rakyat, dia mewakili rakyat kita.

SF: Baiklah, kita akan teruskan dengan soalan mengenai mitos kampung.

SF: Adakah Kampung Pogoh ini pernah dijajah?

Tok Wadi: Jadi kalau kita nak [hendak] ceritakan tentang penjajahan ni [ini] aaa (memikir) dia besar ya sebab apa, aaa ada, kalau pernah dengar ada orang cakap dengan bangganya dia kata kalau Johor ni [ini] adalah satu-satunya negeri yang tidak pernah dijajah. Saya pun tak [tidak] faham kan. Sebab di Johor pernah ada komunis, di Johor pernah ada British kan. Kalau kita tengok di daerah Segamat ni



[ini] pun banyak bangunan-bangunan peninggalan British kan, Masjid Jamek Segamat tu [itu] dulu pun asalnya pusat pentadbiran British tapi dah jadi masjid. Sekolah Tinggi Segamat pun pusat pentadbiran British dah [sudah] jadi sekolah kan. Jadi macam mana diorang [mereka] cakap Johor ni [ini] tak [tidak] pernah dijajah, sebenarnya dijajah ya.

Tapi sepanjang pengetahuan saya lah, aaa (memikir) Pogoh ni [ini] amat berdekatan dengan Bukit Kepong. Haa kalau naik kereta 15 minit dah sampai Bukit Kepong. (bunyi siling). Kita pun tahu sejarah Bukit Kepong kan, yang mana masa tu [itu] komunis eh. Sebelum komunis apa? (bunyi motor). Jepun eh (ingin kepastian). Jepun, jadi tu [itu] tahun 40-an tu [itu]. Jadi kalau ikut sejarah dulu, aaa (memikir) masa tu [itu] jalan ni [ini] kecik je [sahaja] masih jalan merah sampailah ke Kampung Tekam sana. Jadi bantuan memang sampai lambat.

Aaa (memikir) orang dulu-dulu, saya pernah bertanya dengan arwah nenek saya, dia kata zaman Jepun dulu, aaa (memikir) orang melayu semua tak [tidak] duduk di rumah, orang melayu lari duduk dalam hutan. Sebab apa orang melayu lari duduk dalam hutan? Sebab Jepun ni [ini] datang dia pergi ke rumah-rumah, dia jumpa orang lelaki dia bunuh kan. Dia jumpa orang perempuan, awak tau lah apa dia buat kan. Jadi, aaah(mengeluh) makan ubi rebus (ralat), bukan ubi rebus , ubi bakar. Tengah bakar-bakar, dengar bunyi kapal terbang Jepun lalu, padam tutup padam api. Takut, takut Jepun nampak asap haa. Kalau Jepun nampak asap nanti kang [karang] dia terus tembak, jatuhkan bom kan. Sebab tu [tu] dulu kat Pogoh pun ada orang jumpa bom-bom lama, tapi dah takde [tiada] lagi lah, kan. Itu zaman Jepun, zaman aaa (memikir) Komunis macam tu [itu] jugak [juga] kan, pasal kita jauh terpencil dekat dalam, sebenarnya tak jauh tapi kemudahan jalannya tak ada, masa tu [itu] tahun 40-an kan. Itu zaman-zaman Jepun. Komunis dia dah [sudah] nak [hendak] hampir kepada zaman nak [hendak] merdeka eh.

Masa tu, kalau aaa (memikir) cik nak [hendak] tahu sejarah, Kampung Abdullah ni [ini], depan ni. Ni [ini] kira yang kita duduk Taman Pelangi kan, seberang jalan ke luar tu [itu] Kampung Abdullah. Dulu orang cina semua dikumpul, dikurung kat [di] situ haa, dia ada pagar besar, pagar 10 kaki tinggi siap berdiri lagi keliling Kampung Abdullah tu [itu]. Yang cik nampak kat [di] depan ni [ini] ada Hong Leong Bank, ada apa lagi tu [itu], kedai mamak ni [ini] kan, kedai-kedai cina ni [ini] semua ni. Itu tempat dulu askar Melayu kurung orang-orang cina semua. Sebab apa kurung? (nada bertanya). Sebab Komunis duduk dalam hutan, orang cina ni [ini] dia kata nak [hendak] pergi menoreh tapi [tetapi] sebenarnya dia pergi bawa beras.



Ada pernah tengok cerita Bukit Kepong? Tak pernah, (mencelah, ketawa) Awak kene tengok la ni [ini], awak tanya saya pasal [mengenai] sejarah, mitos semua, awak kena tengok pasal Bukit Kepong. Orang Cina dia keluar dia bawa beras, dia bawa ubi rebus, bawa makanan, dia masuk dalam hutan bagi Komunis makan. Haa jadi kat Segamat ni [ini], dekat Kampung Abdullah satu, dekat Pekan Jabi ada satu, dekat Buluh Kasap ada satu. Ada tiga penempatan yang saya tahu, memang dikurung orang Cina, dibenarkan keluar untuk pergi menoreh getah je [sahaja]. Haa kan, sebab masa zaman Jepun, orang Melayu duduk dalam hutan tapi [tetapi] masa zaman Komunis orang Melayu duduk kampung, keluar daripada hutan duduk kat [dekat] kampung. Yang duduk kat hutan siapa? Komunis. Haa jadi kalau nak [hendak], katakan penjajahan, belum sempurna lah penjajahan Komunis tu [itu]. Haa kan tapi dibantu oleh kerajaan British, aaa (memikir). Tentera daripada Gurka, tentera askar Melayu kan, maka dapatlah dihapuskan Komunis tu [itu].

SF: Boleh Tok ceritakan serba sedikit mengenai mitos atau cerita dongeng rakyat mengenai Kampung Pogoh ini?

Tok Wadi: Mitos atau cerita dongeng rakyat? Haa oklah (nada perlahan). Bila kita cerita bab dongeng rakyat ni [ini] dia kan jadi banyak cerita. (bunyi telefon). Aahh (berfikir seketika). Di Kampung Pogoh ni [ini] mengikut cerita orang tua-tua yang dulu-dulu lah, aaa (memikir) mitos berkaitan kampung ini adalah mengenai peristiwa pembunuhan Panglima Pasak. Kejadian pembunuhan ni [ini] berlaku selepas kampung-kampung baru yang terdapat di dalam Mukim Pogoh ini dibuka. Tiap-tiap kampung di kampung ini khususnya orang tua-tua menganggap peristiwa pembunuhan Panglima Pasak ini satu tragedi berdarah yang menakutkan lah.

Aaa (memikir) hal ni sebab Panglima Pasak dikatakan banyak membuat masalah dan selalu mengganggu ketenteraman orang kampung sebelum dia dibunuh. Tapi [tetapi], saya sendiri pun kurang pasti dengan keaslian cerita mitos ini sama ada benar secara keseluruhan seperti yang sering diceritakan oleh orang tua-tua dulu ataupun cerita ni [ini] telah ada ditokok tambah oleh individu-individu tertentu lah. Seperti yang saya tahu, orang di kampung ini menggelar Panglima Pasak sebagai Tok Pasak dan mengikut kepercayaan, Tok Pasak dan juga Tok Pogoh lah yang mula membuka penempatan di Pogoh ni [ini]. Tapi saya kurang tahu mengenai sejarah pembukaan kampung ni [ini].



SF: Seperti yang Tok ceritakan, mitos kampung ini berkait dengan Pahlawan Panglima Pasak, masihkah ada keturunan Panglima Pasak yang masih hidup dan tinggal dikampung ini?

Tok Wadi: Aaaa (memikir) seperti yang saya tahu, sebelum ni [ini] memang ada keturunan Panglima Pasak iaitu cicitnya atau miutnya, saya pon tak [tidak] pasti dengan kesahihan cerita ni [ini]. Tapi [tetapi] tak [tidak] silap saya nama beliau ialah Tok Ibrahim bin Taban, beliau dahulunya merupakan bekas guru di Sekolah Kebangsaan Pogoh. Tapi [tetapi] Tok Ibrahim Taban ni [ini] dah [sudah] lama meninggal dunia, lama dah [sudah]. Dan saya pun kena panggil dia Atok aaa sebab dia memang pangkat Atok lah dengan saya. Dia ni [ini] lah yang banyak tahu dengan terperinci mengenai sejarah Panglima Pasak.

Aaaa (memikir) jadi setelah beliau meninggal dunia, takde [tiada lagi] pewaris atau keturunan Panglima Pasak, pewaris maksudnya pewaris-pewaris yang direct [terus] lah ya. Oleh sebab tu [itu], ramai penduduk kampung ini kurang tahu mengenai sejarah Panglima Pasak. (bunyi selakan kertas) Kami cuma dengar dari mulut orang-orang yang ada yang bercerita tentang kisah Panglima Pasak ni tapi tak [tidak] pasti lah kesahihannya sama ada betul ataupun dah ditambah bagi menjadikan cerita tu [itu] lebih menarik agaknya.

SF: (bunyi motor) Boleh Tok ceritakan sedikit mengenai Panglima Pasak dan siapakah beliau?

Tok Wadi: Aaa (memikir) ada banyak cerita tentang dia ni [ini] yang pertama mengatakan Panglima Pasak ni [ini] adalah panglima tentera Bugis yang handal dan ada kekuatan yang tersendiri yang membuatkan dia digelar panglima dan sangat ditakuti oleh ramai penduduk pada waktu tu [itu] lah. Pada mulanya, panglima Pasak ni [ini] berhijrah ke negeri Johor semasa menyertai angkatan tentera Bugis untuk menyerang orang-orang melayu yang bertahan di Kubu Pupuk di Jementah sana.

(bunyi siling) Yang saya tahu, Kubu Pupuk ini terletak di daerah Jementah tapi nama sekarang ni [ini] saya rasa dia panggil Bukit Pupuk aaa mungkin dulu dipanggil Kubu Pupuk lah. Tapi [tetapi] saya tak [tidak] pasti sama ada Kubu itu ada lagi ke tidak dekat sana. Katanya macam ada tapi saya tak, tak [tidak] pernah pegi [pergi]. Jadi peristiwa tu [itu] dipanggil Perang Saudara Jementah aaa kat [di] situ pahlawan-pahlawan di daerah Jementah diserang oleh tentera Bugis dan berlaku peperangan



lah kerana berlaku tak rasa tak [tidak] puas hati atas penyerahan pemerintahan Muar kepada Sultan Abu Bakar. (bunyi kereta)

Jadi dikatakan jugak [juga] (bunyi kereta) peperangan ni tercetus kerana tentera Bugis nak [ingin] menakluki sebahagian kawasan di daerah Muar dan Jementah tapi saya tak [tidak] pasti keaslian cerita perang ni [ini]. Apa yang saya tahu, perang saudara Jementah adalah merupakan perang pertama yang tercetus di negeri Johor. Perang ni [ini] telah melibatkan puluhan pahlawan dan pendekar yang handal-handal termasuk lah Panglima Pasak ni [ini]. Ada antara pahlawan-pahlawan Bugis ni [ini] yang lari bersembunyi dekat kampung-kampung sekitar dalam negeri Johor ni [ini] selepas habisnya perang saudara Jementah tersebut lah. (bunyi siling)

SF: Bagaimanakah Panglima Pasak boleh berada di kampung ini?

Tok Wadi: Aaa dia sesat jalan dak, rasanya. (suara ketawa) Ha tak lah, ok (suara ketawa). Aaa (memikir) selepas perang Jementah tu [itu], kebanyakan orang Bugis ni [ini] balik ke negeri asal kecuali beberapa lah ataupun segelintir dari diorang [mereka] ni [ini] yang bercadang untuk nak [hendak] menetap di kawasan Segamat. Salah seorang ni, ha ni lah Panglima Bugis ni yang dipanggil Panglima Pasak. (bunyi selakan kertas) Menurut cerita orang dulu, dari kawasan Jementah, Panglima Pasak ni [ini] dia merayau sampailah ke, masuk ke kawasan Pogoh ni [ini] kawasan Mukim Pogoh. Lepas sampai ke Pogoh, panglima Pasak ni [ini] dia bercadang untuk menetap di kampung Pogoh ni [ini] lah atas faktor kononnya selesa dan ramahnya penduduk di kampung tu [itu].

SF: Adakah Panglima Pasak merupakan penduduk setempat di kampung ini?

Tok Wadi: Aaa(memikir) boleh dikatakan ya lah. Aaa setelah habis perang di Jementah, beliau duduk menetap di Mukim Pogoh dan menjadi penduduk setempat pada masa tu [itu] lah.

SF: Apakah sebab Panglima Pasak menjadi penduduk setempat di kampung ini?

Tok Wadi: aaa (memikir) dia lepas beberapa tahun tinggal kat [di] kampung ni [ini], Panglima Pasak ni [ini] mendirikan rumahtangga, dia kahwin dengan seorang



perempuan aaa (memikir) sampai hari ni saya dah tanya, takde seorang pun yang tau nama isteri dia eh. Aaa (memikir) yang perempuan ni [ini] merupakan penduduk disitu lah eh. Jadi, perkahwinan antara mereka merupakan sebab besar Panglima Pasak menjadi penduduk setempat. Hasil daripada perkahwinan mereka ni [ini], mereka telah dikurniakan ramai anak. Tetapi cerita mengenai isteri dan anak beliau tidak diceritakan umum.

SF: Adakah kehadiran Panglima Pasak diterima baik oleh penduduk kampung pada ketika itu?

Tok Wadi: Pada awalnya, ya. Penduduk kampung terima dengan baik kehadiran Panglima Pasak ni [ini] disebabkan Panglima Pasak ni [ini] banyak memberi jasa dan ringan tulang menolong orang kampung pada masa tu [itu] itu. Panglima Pasak sentiasa aaa (memikir) melibatkan diri menolong penduduk kampung, contohnya gotong royong ada jugak dia bantu dan melibatkan diri dalam aktiviti masyarakat bagi memajukan kampung pada masa tu [itu]. Jadi dengan jasa-jasa dan khidmat budi yang diberikan oleh Panglima Pasak ni [ini], penduduk kampung mula memberi penghormatan kepada beliau lah. Selain tu [itu], sifat dan peribadi Panglima Pasak yang peramah serta melibatkan diri dalam apa-apa kerja kemasyarakatan menyebabkan kehadirannya di kampung Pogoh tu [itu] diterima dan disenangi oleh penduduk kampung lah.

NS: (bunyi kereta) Panglima Pasak berasal dari etnik apa?

Tok Wadi: Aaah kalau yang saya dah sebut tadi dia menyertai tentera Bugis. Jadi seperti yang saya tahu, Panglima Pasak ni [ini] merupakan pendatang bersama tentera Bugis jadi beliau mempunyai darah campuran Indonesia.

NS: (latar suara orang) Difahamkan kelakuan Panglima Pasak mulai berubah setelah beberapa tahun, apakah punca kelakuan beliau berubah?

Tok Wadi: Mmm aaa (memikir) setelah beberapa tahun menetap kat [di] Pogoh, Panglima Pasak ni [ini] beranggapan dah [sudah] takde [tiada] siapa pun dikampung masa tu yang lebih handal dan gagah daripada dia lah. Dan itu menyebabkan dia



mula berasa tinggi diri, bangga dengan kekuatan yang dia ada lah. Selain itu, Panglima Pasak ketika itu mengutip cukai dari penduduk kampung atas faktor (bunyi motor) beliau boleh melindungi kampung daripada ancaman luar kerana kekuatan yang dimiliki beliau. Tapi [tetapi] ramai penduduk kampung tak [tidak] selesa dengan cara Panglima Pasak ni [ini], ada yang taknak [enggan] bayar cukai. Hal ini telah membangkitkan kemarahan Panglima Pasak dan sikap beliau mulai berubah menjadi kasar.

Aaa (memikir) ada dua cerita, ini yang pertama. Yang ni [ini] ceritanya dia mengutip cukai daripada orang kampung aaa (memikir) cerita yang kedua pulak [pula] mengatakan bahawa Panglima Pasak ni [ini] telah dilantik sebagai ketua di kampung tu [itu]. Jadi dia ni [ini] mewakili istana untuk kutip cukai dan cukai tu [itu] perlu dihantar kepada istana. Haa ni [ini] cerita yang kedua lah. Jadi katanya setelah dia derhaka kepada sultan, maksud nya tadi cukai-cukai tu tak dihantar kepada istana. Jadi dia enjoy [layan] duit tu [itu] sendiri. Dan bila istana hantar panglima-panglima untuk menangkap dia, dibunuh. Dibunuh orang-orang dari istana. Ni [ini] cerita kedua yang saya dapat lah ya. Jadi, dah [sudah] nama pun mitos jadi kita tak [tidak] tahu yang mana satu betul. Haa jadi sejak daripada tulah [itulah] aaa (memikir) Panglima Pasak ni [ini] dia jadi seorang yang ganas, seorang yang zalim kepada masyarakat Kampung Pogoh.

NS: (suara orang berbual) Apakah kehebatan dan kekuasaan sakti yang dimiliki oleh Panglima Pasak?

Tok Wadi: Aaa (memikir) saya ada merujuk pada orang tua-tua dulu, jadi Panglima Pasak ni [ini] dia memang seorang yang handal, dia ada kekuatan yang luarbiasa. Antara kekuatannya, dia ada ilmu kebal eh. Beliau bukan saja [sahaja] handal bermain senjata tapi kuasa sakti tu [itu] dia boleh hilangkan diri pada bila-bila masa. Aaa (memikir) dia, orang datang rumah dia nak serbu rumah dia, tadi dengar suara, bukak [buka] pintu dia takde [tiada]. Aaa itu yang cerita yang saya dah [sudah] ada tanya la.

Jadi menurut kepercayaan orang kampung, dia ni [ini] sangat kebal dimana badan Panglima Pasak tak [tidak] boleh ditembusi peluru atau apa-apa senjata tajam. Tubuh dia tak [tidak] akan terluka kalau ditusuk benda tajam malah tak [tidak] akan meninggalkan kesan langsung kerana ilmu kebalnya yang tinggi dan hebat. Jadi pernah ada cerita, mata dia dulu pernah dicucuk dengan kayu tajam tapi [tetapi]



takde [tiada] apa-apa kesan. Panglima pasak ni [ini] juga pernah digunakan sebagai peluru meriam disebabkan kekebalannya, ha dia jadi pe,(gugup) peluru meriam. (ketawa kecil) Pendek cerita, Panglima Pasak ni [ini] bukan calang-calang orang kerana memiliki kekuatan dan kekuasaan sakti yang luarbiasa yang orang lain tak ada [tiada].

NS: Adakah Panglima Pasak menyalahgunakan kuasanya?

Tok Wadi: Ya. Aaa (memikir) Panglima Pasak ni aaa dia dah, dia dah mula jadi zalim, dah mula tunjuk belang dan menyebabkan seluruh penduduk kampung Pogoh pada masa tu [itu] takut dan bimbang dengan dia ni. Orang-orang kampung terutamanya perempuan selalu dikacau oleh Panglima Pasak. Jadi perbuatan dia ni tak [tidak] disenangi penduduk pada masa tu. Siapa sahaja penduduk kampung yang haling perbuatan tu [itu] mesti akan dapat balasan dari Panglima Pasak malahan penduduk kampung bukan tandingannya lah kerana kekuatan fizikal dia tu. Pada masa tu [itu], penduduk kampung takut nak keluar pada waktu malam dan keadaan masa tu [itu] sangat renggang kerana tiada siapa yang berani keluar seorang diri pada waktu malam. Difahamkan juga, terdapat dua tempat yang selalu dikunjungi oleh Panglima Pasak di Kampung Pogoh ni [ini].

NS: Apakah nama tempat yang sering dikunjungi oleh Panglima Pasak?

Tok Wadi: Emm dua buah tempat ni [ini] dalam kampung Pogoh ini selalu didatangi oleh Panglima Pasak ialah Bukit Piatu dan tebing Sungai Kenawar. Kedua-dua tempat ini seolah-olah kubu bagi Panglima Pasak.

NS: Boleh Tok ceritakan apa yang Tok tahu mengenai Bukit Piatu dan Sungai Kenawar tersebut?

Tok Wadi: (bunyi kereta) Boleh boleh. Aaa (memikir) apa yang saya tahu tempat ni [ini] dia ada, dia ada mitos dia sendiri. (suara orang bercakap) Aaa (memikir), khususnya di Bukit Piatu. Saya sendiri pun pernah mengalami di kawasan Bukit Piatu ni. Bukit Piatu ini didiami oleh masyarakat bunian ya. Suatu masa dulu [dahulu], orang-orang kampung yang ingin mengadakan majlis kahwin atau kenduri, dia boleh



pinjam pinggan mangkuk dekat Bukit Piatu tu [itu] eh. Jadi aaa (memikir) untuk pinjam pinggan mangkuk ni [ini], (suara orang ketawa) dia ada upacara dialah, upacara untuk berhubung dengan orang kampung bukit Piatu ni [ini]. Bukan orang kampung, orang bunian di situ lah yeh haa kalau ikut ceritanya seketul kemenyan tu [itu] yang dah dijampi oleh bomoh kampung, haa diletakkan atas sebuah batu berlubang yang ada di bukit tu [itu].

Pastu [lepas itu], penduduk yang nak [ingin] pinjam tersebut kena sebut dia nak pinjam berapa pinggan mangkuk, berapa yang nak [hendak] dipakai. Jadi kononnya, keesokan harinya, segala pinggan mangkuk yang nak [ingin] dipinjam tu [itu] dah ada dah tersusun dah [sudah] dekat area batu berlubang tadi tu. Tapi [tetapi], aaa (memikir) disebabkan ada penduduk kampung yang enggan memberitahu jumlah sebenar pinggan mangkuk yang pecah, makna dah pinjam tu ada pecah tak [tidak] bagitau pada orang bunian tu, jadi orang bunian tu [itu] dah taknak [tak mahu] bagi lagi dah aaa (memikir) meminjamkan pinggan mangkuk kepada orang kampung untuk kenduri kahwin lah. Aaa itu cerita yang dulu lah.

Aaa (memikir) dan pengalaman saya pulak [pula], masa banjir tahun 2006. Haa masa banjir tahun 2006, kampung Bukit Piatu tu [itu] dia ada satu, dua, tiga, empat, lima, enam, (mengira) ada enam, tujuh, ada tujuh biji rumah di Kampung Bukit Piatu. Jadi kebetulan pada waktu tu [itu] malam, gelap. Aaa disebabkan banjir terlalu besar, aaa (memikir) bekalan elektrik terputus. Jadi saya dihubungi oleh orang-orang Kampung Bukit Piatu (berdehem) bahawa dia dah terkepung, tak [tidak] dapat keluar. Jadi kami mengayuh perahu pada waktu malam untuk menghantar bantuan.

Dalam perjalanan ke emm (memikir) mendayung ke rumah di Bukit Piatu tu [itu], tiba-tiba aaa(memikir) di hadapan saya ni [ini] saya dengar bunyi riuh rendah bunyi, bunyi siren polis dan saya nampak lampu, lampu spotlight disuluh sepanjang jalan dan ada lampu jalan pulak. Aaa ye. Tapi [tetapi] yang saya tahu di depan tu [itu] adalah pokok getah haa ye. Pokok getah saja. Jadi saya dan kawan saya tu [itu] menandakan aaa pokok yang berdekatan, kami ikatkan plastik, ikat plastik haa jadi saya cakap nanti bila air dah surut kita tengok, kat [dekat] kedudukan ni [ini] sekarang ni [ini]. Macam mana pulak [pula] kat [di] depan ni [ini], disebalik bayang-bayang pokok tu [itu] kita nampak ada lampu jalan, sedangkan tak, takde [tiada] bekalan elektrik kan.

Jadi kami pun aamm (memikir), guna cahaya bulan nampak rumah orang yang nak [hendak] dibantu, hantar sumbangan pastu [lepas itu] kami balik. Bila air dah [sudah] surut, saya datang memang sekeliling tempat saya tu [itu] semua pokok getah. Aaa



tapi [tetapi] tiba-tiba masa malam kejadian tu [itu] saya nampak ada lampu jalan, riuh bunyi siren kereta polis semua kan haa. Maknanya, dia di alam yang lain, tapi [tetapi] dia pun ada lampu jalan, haa dia ada spotlight haa kan. Cuma kita tak tau, kita tak [tidak] nampak. Haa itulah maknanya aaa (memikir) bukti mengatakan ada nya orang bunian di situ tu [itu], aaa saya sendiri dah menyaksikan. Haa itu dia, tahun 2006. Itulah berkenaan dengan Bukit Piatu.

Kalau (bunyi selakan kertas) Sungai Kenawar ni [ini] pulak, saya pun tak [tidak] jumpa sebenarnya dikatakan air dia ni [ini] dulu berwarna hitam dan sangat sejuk. Saya tak [tidak] jumpa, kan, tapi [tidak] kononnya, sebelum sungai ni [ini] dapat nama, ada seorang penduduk ni [ini] dia menghidap penyakit kulit dan dia mandi kat [di] sungai tu [itu]. Lepas beberapa hari tu [itu], penyakit kulit dia tu pun sembuh. So [jadi] disebabkan peristiwa itu lah, orang-orang kampung menganggap bahawa air sungai tu [itu] ada kuasa untuk menyembuhkan segala penyakit lalu sungai itu dinamakan Sungai Kenawar oleh orang kampung lah dimana nama asal sungai itu ialah sungai Penawar, bukan Kenawar. Jadi di sepanjang sungai Kenawar juga dikatakan terdapat banyak lubuk. Antara lubuknya adalah Lubok Kelandan, haa ni [ini] saya masa kecik-kecik dulu saya mancing ikan lais dekat sini. Aaa dan Lubok Pasak. Lubok Pasak ni [ini] saya tak [tidak] pernah jumpa mmm. Di Lubok Pasak itulah Panglima Pasak dibunuh dan menemui ajal, eh. Dan disekitar lubuk itu jugak ditumbuhi sejenis tumbuhan yang digelar pokok Keladan. Aaa dia Keladan bukan Kelandan eh, pokok Keladan. Haa tu. (nada perlahan)

NS: Apakah yang sering dilakukan oleh Panglima Pasak apabila mengunjungi tempat tersebut?

Tok Wadi: aaa (memikir) dia, tempat tu adalah tempat dia berehat. Dia berehat kat situ aaa (bunyi selakan kertas) lepas dia bermaharajalela lah di seluruh mukim tu. Jadi tempat tu menjadi tempat bagi Panglima Pasak merehatkan fikiran agaknya lah. (bunyi kerusi)



NS: Apakah punca yang menyebabkan penduduk kampung tidak berani menentang Panglima Pasak?

Tok Wadi: aaa (memikir) punca penduduk kampung tak [tidak] berani nak [hendak] menentang Panglima Pasak ni [ini] sebab dia takde [tiada], aaa orang kampung ni dia takde [tiada] kuasa yang setanding dengan Panglima Pasak. Walaupun penduduk kampung tidak berani menentang Panglima Pasak ni [ini] secara terang-terangan (bunyi selakan kertas) tapi [tetapi] mereka sentiasa sahaja ada ikhtiar secara diam-diam untuk memberkas pahlawan dari Tanah Bugis itu.

NS: Apakah punca yang menyebabkan penduduk kampung tidak berani menentang Panglima Pasak? (kesilapan)

Tok Wadi: eh itu tadi awak dah tanya tak? (bunyi selakan kertas) Itu lah yang saya jawab tadi tu [itu].

(kesilapan)

NS: Apakah ikhtiar yang dilakukan oleh penduduk kampung untuk menentang Panglima Pasak?

Tok Wadi: Ouhh. penduduk kampung pada masa tu [itu] dia minta tolong dari seorang pawang. Katanya pawang lah, saya pun tak [tidak] tahu. Pawang tersebut juga merupakan seorang panglima yang bernama Sidek. Aaa (memikir) jadi sebelum Pawang Sidek ni [ini] ada ramai lagi panglima-panglima lah yang dihantar, yang dijemput untuk, untuk menumpaskan Panglima Pasak ni [ini] tapi tak [tidak] berjaya dan dibunuh pulak [pula] oleh Panglima Pasak. Jadi hanya Panglima Sidek ni lah yang sanggup (bunyi motor) untuk tangkap Panglima Pasak. Jadi pada awal nya, Panglima Sidek dan orang kampung bercadang nak tangkap Panglima Pasak guna senjata. Tapi [tetapi] setelah diselidiki dia da (gugup) dia dapati cara itu tak [tidak] berkesan sebab kekuatan dan kekebalan yang dimiliki oleh Panglima Pasak tu [itu].

Tapi [tetapi] dengan ilmu yang ada pada Panglima Sidek, aaa (memikir) dia yakin mampu menewaskan Panglima Pasak dengan menggunakan aaa (memikir) tujuh helai benang berwarna yang telah dijampi oleh Panglima Sidek ni [ini]. Benang tu [itu] juga, bukan Panglima Sidek, apa aaa (memikir) Pawang Sidek ha. Benang tu



[itu] di, telah disapu dengan minyak khinzir bagi mengukuhkan jampi pada benang tersebut. Ni [ini] cerita eh, saya pun tak [tidak] tau betul ke tak betul [betul atau tidak]. Hanya dengan cara itu sahaja yang dikatakan berkesan dan mampu untuk melemahkan Panglima Pasak ni [ini].

SF: Pada waktu bilakah mereka melakukan operasi menumpaskan Panglima Pasak?

Tok Wadi: Aaah (memikir) mereka memulakan operasi untuk menumpaskan Panglima Pasak ni [ini] pada petang hari Jumaat selepas waktu asar katanya. Pada mulanya, Panglima Sidek ni [ini] mengarahkan penduduk mukim menangkap Panglima Pasak. Setelah berjaya dia tangkap Panglima Pasak ni [ini], Panglima Sidek menggeselkan tujuh benang yang berwarna tadi tu [itu] ke tubuh badan Panglima Pasak. Dengan serta merta, anggota badan Panglima Pasak menjadi lemah dan beliau dah tak [tidak] mampu lagi nak berlawan.

SF: Apakah punca kematian Panglima Pasak?

Tok Wadi: Punca kematian Panglima Pasak ni [ini] adalah disebabkan katanya benang yang digeselkan ke badan beliau membuatkan anggota badannya lemah. Lalu penduduk kampung menangkapnya dan mencampakkan Panglima Pasak ke dalam sebuah lubang di kampung ini. (bunyi bising) Selepas tiga hari, barulah Panglima Pasak menghembuskan nafasnya yang terakhir di dalam lubang tersebut. (bunyi selakan kertas) aaa (memikir) itu cerita yang pertama.

Cerita yang kedua, aaa (memikir) dia ni [ini] namanya ada Sidek jugak [juga] eh. Katanya saya ada sebut tadi, dikatakan Panglima Pasak ni [ini] telah, tidak menghantar kutipan cukai kepada istana kan?

(Mencelah) : ya

Jadi, aaa (memikir) dia hantar la sorang panglima, saya tak [tidak] pasti panglima apa tapi berketurunan Arab aaa dia kalau sebagai contohnya mungkin panglima Ali As-Siddiq macam tu lah aaa. Sebab tu [itu] lah ada seakan-akan Panglima Sidek disini. Aaa (memikir) jadi dikatakan Panglima Siddiq ni duduk bermastautin di Kampung Pogoh ni [ini] berkawan dengan Panglima Pasak selama berbulan-bulan. Aaa (memikir) sebenarnya dia dihantar oleh istana untuk membunuh Panglima



Pasak tapi [tetapi] dia tau dia tak [tidak] boleh bunuh Panglima Pasak dengan senjata. Haa ini satu cerita yang berbeza lah haa.

Setelah berkawan ber lama-lama jadi satu hari dia mengajak Panglima Pasak pergi menjala ikan. Setelah sampai ke sungai dia menjala ikan, jaring jala tadi tu [itu] tersangkut di dalam sungai jadi sungai tu tak [tidak] berapa dalam lah. Jadi Panglima Pasak ni [ini] dah terjun ke dalam sungai untuk mengeluarkan jaring yang tersangkut tadi. Maka pada masa itu lah, aaa (memikir) Panglima Siddiq ni mengambil kesempatan untuk aaa (memikir) mengeluarkan apa ni, cabang, kayu bercabang untuk menekan tengkuk Panglima Pasak di dalam air, ya.

Aaa jadi kalau cerita yang pertama tadi dikatakan tiga hari Panglima Pasak ni [ini] dilempar ke dalam lubuk, baru dia mati. (bunyi selakan kertas) Tapi kalau diikuti pada cerita yang kedua pulak [pula], selama seminggu Panglima Siddiq ni [ini] menekan kayu bercabang pada tengkuk Panglima Pasak tu [itu] barulah dia mati. Maksudnya dia mati di, lemas di dalam air. Bukan mati sebab dicucuk atau dibunuh dengan parang tajam dan sebagainya lah. Aaa (memikir) tapi [tetapi] ceritanya tetap sama, di lubuk yang sama. Haa itulah.

NS: Dimanakah makam Panglima Pasak?

Tok Wadi: emm (bunyi selakan kertas) saya dah bertanya jugak [juga] lah dimana sebenarnya makam Panglima Pasak ni [ini]. Jadi dikatakan aaa (memikir) semasa dia dibunuh tu [itu] di lubuk, di satu lubuk la. Dan lubuk tu dinamakan Lubok Pasak tapi [tetapi] sekarang ni [ini] Lubok Pasak ni [ini] dah tak [tidak] ada sebab Lubok Keladan yang ada disebelah dia dan Lubok Pasak ni [ini] telah terlibat dalam projek pembesaran sungai oleh Jabatan Pengairan. Jadi aaa, lubuk nya pun dah takde [tiada]. Tadi soalnya tadi makam tu kat mana. Jadi, saya rasa aaa (memikir) makam dia masih ada di, di kawasan Pogoh ni [ini] cuma takde [tiada] tanda, tapi [tetapi] berdekatan dengan Tanah Wakaf Tengkoil sebab haritu ada seorang pakcik orang tua tu [itu] dia dah tunjuk kat saya kawasan tu [itu]. Aaa (memikir) cuma saya nak masuk kawasan tu [itu] memang terlampau banyak kubur lama. Aaa (memikir) ada batunya yang dah pecah-pecah, jadi kita tak [tidak] tahu yang mana satu. Dah semak, memang tak [tidak] berjaga dah kawasan tanah wakaf tu daripada dah, lama kan dah 100 tahun jadi kita tak [tidak] jumpa dah, kalau ada pun. Haa itu je lah. Jadi takde [tiada], saya tak [tidak] tahu kat mana makam dia.



NS: Menurut Tok, apakah nilai yang boleh diambil daripada cerita mitos ini?

Tok Wadi: (bunyi kereta) Aaaa (memikir). Yang pertama nya yang kalau untuk diri sendiri lah, kita jangan aaa (memikir) mudah merasa tinggi diri lah dengan apa sahaja kelebihan yang kita ada dan kita jangan pandang rendah pada orang. Kalau kita rasa diri kita baik, ada orang lebih baik daripada kita. Kalau kita rasa diri kita kuat, sebenarnya ada orang yang lebih kuat daripada kita. Kalau kita rasa diri kita cerdik, ada orang lebih cerdik daripada kita lah, ya. Aamm (memikir) jadi dengan kelebihan yang kita ada ni [ini] seelok-eloknya kita gunakan dalam membantu orang yang aaa (memikir) memerlukan bantuan lah. Itu kalau dari segi sudut personal [peribadi] lah. Tapi kalau dari segi sudut kemasyarakatan, saya sebagai ketua kampung, kami ni [ini] dengan tidak mudah menerima orang luar di dalam kampung. Aaa sebab orang luar tiba-tiba berhijrah dalam kampung kita ni [ini] dia mesti banyak sebab kan. (bunyi kereta) Mungkin dia ada masalah dekat tempat asal dia, (bunyi kereta) mungkin ada perkara yang nak [hendak] dia sembunyikan, kan. Jadi, saya berpendapat begitu lah, nilai ataupun pengajaran yang kita boleh dapat daripada cerita mitos ini lah.

NS: Menurut Tok, bagaimanakah cara untuk menyebarkan cerita mitos ini kepada generasi yang akan datang?

Tok Wadi: Ok emm. Saya generasi tahun 70-an, saya aaa (memikir) saya dapati generasi tahun 70-an ni dia ada dua, dua level [peringkat]. Satu yang memang minat scroll handphone [telefon bimbit]. Aaa dia minat, dia baca perlahan-lahan kan, ada. Ada yang lebih minat kepada membaca buku ya, majalah dan sebagainya. Jadi, aaa untuk mem-viral [tular] kan sejarah atau pun mitos ni [ini], ada banyak cara lah. Kita melalui aaa (memikir) wasap [whatsapp] group [kumpulan] pun boleh. Ataupun aa macam saya, saya setahun sekali saya ada buat Buletin Pogoh. Maksudnya saya akan bentangkan semua aktiviti yang kita buat sepanjang tahun. Dibawah aktiviti yang dibawah anjuran JKK lah, kan. Aaa (memikir) lepas tu kita akan bentangkan semua projek-projek yang telah berjaya diperolehi untuk kampung, semua projek yang belum berjaya diperolehi, semua projek baru yang dah dipohon, yang akan dipohon. Aaa macam tu kan.

Jadi dekat dalam tu, kita akan bentangkan siapa, (gugup) carta organisasi JKK, carta organisasi (gugup) masjid, carta belia, carta wanita, carta ahli yaasin, bola, semua ada dalam tu. Jadi kita edarkan kepada semua rumah dalam kampung. Jadi



tak [tidak] ada, saya rasa tak ada sebab untuk semua, sesiapa dalam kampung mengatakan dia tak tau apa-apa info dalam kampung. (bunyi kereta) Sebab kita hantar ke setiap rumah kan. Itu kalau kita cerita tentang info kampung, info aktiviti. Tapi kalau perkara mitos ni [ini] pun boleh jugak kan. (bunyi motor) Sesuai jugak kalau kita gunakan benda tu dalam satu bentuk buletin camtu, kan. Sebab, anak-anak muda harini dia tidak dilatih sebab orang kata macam mana acuan macam tu [itu] lah apa ni [ini] bentuk nya eh. Jadi yang membentuk anak-anak muda harini orang macam awak, orang macam saya adalah mak bapak [ibu bapa] kita.

Kalau zaman saya dulu, contoh ya, saya cerita. Ada kenduri kahwin kat kampung, pukul 11 pagi ayah saya dah sergah saya pergi rumah orang kahwin. Saya pergi pukul 11, pukul 1 saya dah balik. Dia tanya saya, “engkau daripada mana?” “daripada rumah orang kahwin”. “rumah siapa?”, “rumah yang tadi lah, yang abah suruh pegi” “abis ni kau buat apa kat sini pukul 1 dah balik, pergi balik semula sana” tolong angkat dulang semua. Ayah saya dulu macam tu [itu], haa kan. Contohnya kat masjid malam ni [ini] ada belajar lepas maghrib. Saya, lepas orang sembahyang maghrib saya dah balik rumah. Saya balik rumah, ayah saya tanya saya, “kau buat apa kat sini”. Walaupun dia tak pergi masjid, tapi dia didik saya macam mana, kan. “kan ada orang belajar tu, siapa nak tolong susun, sape nak tolong basuh pinggan ni kang. Nanti ustaz dah mengajar ada jamuan apa semua kan” haa jadi.

Aaa anak-anak hari ini tidak dididik macam tu [itu]. Aaa saya tak [tidak] tau lah awak di rumah macam mana. Tapi di kampung, saya tengok sekarang macam tu. Aaa kan. Jadi (berdehem) kurang menghormati orang tua, (bunyi kereta) kurang me, ape kurang value [nilai] tentang nilai kemasyarakatan tu, value [nilai] kemasyarakatan tu [itu] takde [tiada] dalam anak-anak muda hari ni. Kita sibuk kat masjid ada rewang, dia weewoo weewoo (mimik bunyi motor) kan naik motor. Aaa dia lalu, dia lalu. Kita gotong royong, bersihkan kubur. Dia lalu je kan ting, dia tak singgah pun, anak-anak muda harini la.

Jadi berkaitan dengan mitos ni [ini] tadi, sebab apa perlunya dia tahu daripada mana asal usul dia. Contohnya saya berdiri tepi jalan, dia tahu saya bukan setakat ketua kampung, saya mungkin pangkat sepupu dengan mak [emak] dia. Maknanya saya mungkin pangkat bapak saudara dia, kan. Saya pulak [pula] berjalan, jumpa orang tua umur 80, saya tahu dia tu [itu] siapa. Haa kan. Sebab apa, susur galur persaudaraan ni penting, (bunyi motor) aaaa baru lah macam saya bila saya jadi ketua kampung, saya nak mengadili sesuatu keadaan tu [itu]. Contohnya tanah orang ini, orang ini dah tanam durian, separuh batang pokok nya dalam tanah orang



tu [itu]. Jadi saya nak mengadili tu kene adil, disamping tu saya kena mengikut nilai-nilai persaudaraan jugak [juga]. Yang saya nak marah ni [ini], mungkin dia ni pangkat atok saudara saya, kan. Haa jadi maknanya kita jadi seorang ketua kampung yang berhemah. Bila kita nak buat keputusan, bijaksana.

Macam tu jugak [juga] dengan anak-anak muda, (bunyi motor) bila dia tahu asal usul dia, macam saya, susur-susur-susur-susur sampailah kepada nama Tok Perang. Tok Perang ni [ini] anak kepada Tok Syakir, Tok Syakir anak kepada Tok Jalal, Tok Jalal anak kepada Tok Pasak. Maknanya saya ini apa? Cicit. Cicit, meut-meut-meut kepada Tok Pasak jugak [juga], kan. (bunyi ketawa kecil) Haaa jadi pergi ke lorong sebelah sana, dia pun cicit jadi sedare [saudara] semuanya kan. Haaa kat [di] situ baru penting. Bila dah kita tau kita saudara mara semua baru lah perpaduan tu [itu] kuat. Haaa jadi pada saya, nak viral [tular], aaa tu lah, tumpang lah saya punya majalah. Nanti kalau awak dah siap awak punya transkrip ni apa-apa semua, awak bagi lah kat saya, saya nak masukkan kat dalam Buletin Pogoh tu. (suara mencelah) Haaa. Yayy. (nada perlahan) (bunyi ketawa kecil)

NS: Sebagai penutup, apakah kata-kata nasihat yang boleh Tok katakan?

Tok Wadi: aaa orang-orang tua-tua selalu cakap, nasihat, aaa(memikir) yang memberi nasihat tu [itu] belum tentu baik. Tapi nasihat yang baik tu [itu] memang kita kena amik [ambil] kiralah kan. Maksud nya tadi saya ni [ini] bukan baik sangat, tapi mungkin nasihat saya tu baik, kan. Haa jadi yang saya nampak harini [hari ini] aaa khasnya anak-anak melayu lah, anak-anak melayu. Kena sedar, kena sedar aaa bila mak ayah kita hantar kita pergi belajar, kerja kita apa, belajar, macam ni lah yang awak tengah buat ni. Aaa belajar je jangan fikir benda-benda lain. Haa jangan kita sibuk nak berpolitik (bunyi motor) jangan kita sibuk nak aaa (memikir) dengan apa-apa entah program yang takde [tiada] kaitan dengan pembelajaran kita lah. Haa kan. Emmm (memikir). Belajar sampai habis dulu, jangan sibuk nak kahwin, aaa tu pun penting, nasihat jugak [juga] tu. (bunyi ketawa kecil) Kan, aaa. Emmm (memikir) sebab apa (bunyi hon) bila kita kurang focus pada sesuatu benda, akan menjadikan goal [matlamat] kita tadi tu susah nak dicapai. Goal [matlamat] awak adalah apa? Awak nak dapat aaa every sem [setiap semester] awak nak buat 3 pointer, 3 pointer. Tapi bila ada satu benda lain, alih perhatian awak, kan. Aaa so [jadi] kena ingat. Kenapa? Orang putih cakap "why I'm here", (bunyi orang ketawa), kenapa saya ada



kat [di] sini. Saya ada kat [di] sini sebab saya nak belajar. Mak bapak [ibubapa] saya hantar belajar.

Awak ni [ini] nanti esok nak bayar PTPTN. (bunyi ketawa). Aaa nasihat saya ni khusus kepada awak sebagai pelajar lah, kan. Aaa so [jadi] jangan kita hilang fokus haa. Saya, zaman saya takde [tiada] PTPTN, zaman saya biasiswa. Tapi [tetapi] zaman adik-adik saya. Haa yang sorang nak pergi luar Negara dah tak lepas, kan? (bunyi motor). Sebab aaa (mencelah), tak bayar PTPTN. Ah keputusan lulus tapi tak [tidak] cemerlang. So [jadi] competition [persaingan] banyak untuk awak nak dapat post-post [jawatan] yang lebih bagus, kan. Aaa itu kalau dari segi sudut fokus untuk pembela apa, pembelajaran lah.

Yang keduanya, aaa (memikir) nak cite [cerita] pasal agama ek tapi kita sendiri pun, tiga-tiga belum sembahyang, solat asar lagi eh. (bunyi ketawa). Haaa jadi (suara orang berborak) solat jangan tinggal, haa kan. Pastu kenapa aaa, orang selalu sebut solat tiang agama. Jadi kalau tak [tidak] solat tu maknanya tiang tu tak kukuh. Kan. Bila-bila je goyang dek syaitan sikit je dah runtuh kan. Aaa pasal apa, kat [di] akhirat esok bila ditanya pun yang pertama sekali, dia tanya kita solat jugak dulu. haaa kan. Saya ni [ini] menasihat je, dulu saya pun penyamun apa benda semua, kan. Aaa tapi [tetapi] orang kata, kalau kita tak [tidak] jumpa yang gelap, kita tak tahu nikmat yang terang. Kan, aaa gitu lah. Jadi harap-harap awak jangan melalui lah benda-benda yang gelap tu. Aaa jumpa yang terang je sepanjang masa kan.

Aaa lepas tu, yang ketiga, pengalaman hidup saya. Saya dulu habis belajar, kerja bank jadi pegawai. Kerja shipping company [syarikat perkapalan] jadi pegawai, kerja kat [di] Proton berapa tahun jadi salesman [jurujual], jadi manager [pegawai]. Kita jangan belakang kan mak bapak [ibubapa] kita. Sebab, ada orang kata, alah cukuplah dia dah kerja boleh tanggung diri dia sendiri dia tak nyusahkan [menyusahkan] mak bapak. No [tidak]. Dalam Islam tak macam tu. Aaa kan ada kan, awak pernah dengar tak? Alaa dia dah kerja dah, dia tak nyusahkan mak bapak dia takpe [tidak mengapa] lah. Dia dapat tanggung diri sendiri. Dalam Islam tak [tidak] macam tu. Tuntutan dia bukan macam tu [itu].

Saya, pengalaman saya, rezeki saya makin sempit, makin sempit, makin sempit. Kenapa? Saya tak [tidak] minum arak, (bunyi motor) saya tak buat maksiat saya tak buat apa. Tapi saya belakangkan mak bapak saya. Sebab apa? Saya sibuk kerja je, tak [tidak] ziarah mak, mak merajuk dalam hati. Aaa ni pengalaman saya lah, kan.



Aaa tapi bila kita teringat, aaa pergi jengah dia. Aaa selalu macam tu. Mak ayah ada lagi?

SF & NS: Ada

Tok Wadi: Ada kan, aaa jangan belakang kan. Aaa, maknanya bila terkucil je hati dia, kan. Aaa dosa pada kita, yang kita tak [tidak] tahu. Aaa jangan sampai ke tahap kita abaikan mak bapak kita sampai jatuh derhaka tau. Kita tak, kita takde [tiada] pun cakap kasar dengan mak bapak [ibubapa] tapi tak jengah-jengah. Mak kita dia punya merajuk tu, aaa sampai jatuh menderhaka kita. Aaa ayah tu [itu] jangan cakap lagi lah, kan. Sama lah mak dengan ayah tu. Saya pun tak [tidak] pandai sebab apa soalan ni, aaa mengejut kan. (bunyi ketawa) haa jadi nasihat saya tu tadi tulah. Yang pertama, aa fokus eh pada apa yang awak punya matlamat. Yang kedua, agama kena jaga. Yang ketiga, asal usul kita siapa? Mak ayah. Hormat dan jaga. Itu lah yang paling penting. InshaAllah, selamat dunia akhirat. InshaAllah.

SF: Baiklah, terima kasih atas kerjasama Tok kerana sudi meluangkan masa untuk kami menemubual Tok mengenai sejarah Kampung Pogoh. Rakaman temubual ini tamat pada jam 6.42 petang. Rakaman tamat.

Tok Wadi: InshaAllah.

-TAMAT-



LOG WAWANCARA

**3.0 LOG WAWANCARA**

Masa	Perkara	Maklumat
00:36	Nama penuh	Hj Iswadi bin Ahmad
00:43	Gelaran	Tok Wadi
00:55	Umur	45 tahun
00:59	Tarikh lahir	26 Ogos 1972
01:07	Tempat lahir	Kampung Pogoh
01:51	Mengenai Ibu	<ul style="list-style-type: none">• Hajah Tijah binti Ahmad• 66 tahun• suri rumah
02:25	Mengenai ayah	<ul style="list-style-type: none">• Haji Ahmad bin Abdul Rashid• 70 tahun• Pencen, Jabatan Perhilitan
02:55	Bilangan adik-beradik	3 lelaki, 3 perempuan
03:05	Anak ke-berapa	Ke-2
03:08	Status	Berkahwin
03:12	Mengenai isteri	<ul style="list-style-type: none">• Ruzi binti Ahmad• 41 tahun• Suri rumah
04:26	Latar belakang pendidikan	<ul style="list-style-type: none">• Sekolah Dato' Wan Idris, Segamat• Sekolah Tinggi Segamat• UiTM Segamat
04:52	Pekerjaan selepas tamat pengajian	<ul style="list-style-type: none">• Kewangan Bersatu Berhad• Selatan Agencies Sdn.Bhd Proton Edar Segamat• Honda
06:33	Pekerjaan sekarang	<ul style="list-style-type: none">• Ketua kampung• Perniagaan keluarga, Triple I Enterprise



07:03	Tahun dilantik	1 Mei 2016
07:24	Faktor-faktor yang mendorong untuk menjadi ketua kampung	<ul style="list-style-type: none">• Sifat kepimpinan yang ada dalam diri• Galakan daripada kawan-kawan• Galakan daripada pemimpin dan YB
08:27	Jangka masa untuk berkhidmat sebagai ketua kampung	<ul style="list-style-type: none">• Had umur, tidak boleh melebihi 69 tahun• Sihat segi mental dan fizikal
10:56	Ketua kampung yang ke-berapa	<ul style="list-style-type: none">• Ke-5
13:38	Cabaran sepanjang menjadi ketua kampung	<ul style="list-style-type: none">• Had kesabaran yang tinggi.• Perlu pandai dan bijak untuk meletakkan diri bersama-sama dengan semua peringkat umur.
15:23	Peranan sebagai ketua kampung	<ul style="list-style-type: none">• Penaung dan penasihat kepada semua organisasi/kelab sahsiah.• Memastikan pembangunan yang berterusan di kampung dan banyak lagi
18:24	Program kemasyarakatan	<ul style="list-style-type: none">• Program gotong-royong
19:30	Penglibatan dalam parti politik	<ul style="list-style-type: none">• Timbalan Ketua Umno Cawangan Pogoh• Ahli Jawatankuasa Umno Bahagian Sekijang.
20:17	Perancangan untuk memajukan serta menaikkan nama Kampung Pogoh	<ul style="list-style-type: none">• Dua tahun pertama; infrastruktur.• Dua tahun berikut;



		menyatupadukan masyarakat
24:53	Mengenai Kampung Pogoh	<ul style="list-style-type: none">• Dalam daerah Segamat• Terdapat 8 mukim di dalam Kg Pogoh.
27:28	Mengenai sejarah mukim Pogoh	Dibuka hampir 100 tahun lalu
29:36	Asal usul nama Danau Lanjut	<ul style="list-style-type: none">• Nama sejenis pokok• Tumbuh di tepi-tepi sungai• Mempunyai batang yang besar dan daun yang lebar
30:57	Sejarah awal pembentukan penempatan	<ul style="list-style-type: none">• Sepuluh buah rumah sahaja• Dinding-dinding rumah daripada kulit kepong• Daun rumbia dijadikan atap• Surau kecil
32:50	Nama kampung lain selepas Kg Danau Lanjut	<ul style="list-style-type: none">• Kampung Paya Pulau• Kampung Kenawar• Kampung Pogoh• Kampung Tengkoi• Kampung Bukit Limau Manis• Kampung Chodan• Bukit Senggeh• Kampung Tekam• Kampung Melayu Raya• Kampung Paya Besar
34:13	Masjid dan surau di Kg Pogoh	<ul style="list-style-type: none">• Masjid Pogoh• Surau Al-Hidayah• Surau Lubuk Selumar
34:48	Adat istiadat dan tradisi	<ul style="list-style-type: none">• Ziarah-menziarah• Maulidur Rasul



		<ul style="list-style-type: none">• Nuzul Quran• Nifsu Syaaban
35:59	Keluasan tanah	500 ekar
37:07	Anggaran jarak ke Bandar Segamat	7 km
38:12	Carta Organisasi	<ul style="list-style-type: none">• Pengerusi JKKK• Setiausaha• Bendahari• 12 AJK
40:06	Aktiviti di masjid	<ul style="list-style-type: none">• Kuliah• Bacaan Yasin dan tahlil• Nifsu Syaaban• Maulidur Rasul• Nuzul Quran dll
53:43	Kawasan berlaku banjir	<ul style="list-style-type: none">• Kg Seberang Batu Badak• Kg Tengko• Kg Lubuk Selumar.
54:09	Tahun banjir besar	Tahun 1972
55:24	Punca terjadinya banjir	Perjumpaan dua buah sungai utama; <ul style="list-style-type: none">• Sungai Muar• Sungai Segamat
59:49	Lokasi penambahan pusat pemindahan banjir	Tanah kerajaan di atas bukit
01:02:54	Bentuk muka bumi	<ul style="list-style-type: none">• Berbukit bukau• Kawasan rendah
01:04:13	Projek ekonomi	<ul style="list-style-type: none">• Perancangan ternakan ayam kampung• Perancang koperasi
01:06:53	Jenis ekonomi dijalankan	<ul style="list-style-type: none">• Menoreh getah• Ladang sawit• Menternak lembu• Menternak kambing• Nelayan darat
01:08:07	Bangunan terawal dibina	<ul style="list-style-type: none">• Masjid Pogoh



		<ul style="list-style-type: none">• Sekolah Pogoh
01:09:02	Kemudahan	<ul style="list-style-type: none">• Balai raya• Pusat pemindahan banjir• Pusat pentadbiran Rela• Klinik desa• Masjid, surau
01:09:56	Kemudahan pengangkutan sebelum jalan dibina	<ul style="list-style-type: none">• Berbasikal• Motosikal
01:13:11	Sumbangan ekonomi Negara	Pertanian
01:13:35	Perancangan infrastruktur	<ul style="list-style-type: none">• Pejabat JKK• Pejabat Pengerusi• Pejabat Ketua Kampung• Bilik mesyuarat
01:15:06	Dana dan biaya	Kerajaan Negeri – Adun Kerajaan Pusat – Ahli Parlimen
01:18:41	Dijajah	<ul style="list-style-type: none">• British• Komunis
01:23:28	Mitos kampung	Pembunuhan Panglima Pasak
01:27:10	Siapa Panglima Pasak	Tentera Bugis
01:30:30	Sebab Panglima Pasak menjadi penduduk setempat	Berkahwin dengan orang Pogoh
01:32:35	Kelakuan Panglima Pasak berubah	<ul style="list-style-type: none">• Tak bayar cukai• Berlagak dengan kekuatan
01:34:35	Kehebatan Panglima Pasak	<ul style="list-style-type: none">• Boleh menghilangkan diri• Kebal• Kuat
01:37:17	Tempat sering dikunjungi	<ul style="list-style-type: none">• Bukit Piatu• Sungai Kenawar
01:37:37	Bukit Piatu	<ul style="list-style-type: none">• Orang Bunian• Pinjam pinggan mangkuk
01:37:37	Mengenai Sungai Kenawar	<ul style="list-style-type: none">• Airnya hitam• Penawar penyakit



01:44:10	Ikhtiar untuk menentang Panglima Pasak	<ul style="list-style-type: none">• Pawang Sidek• 7 benang berwarna
01:45:56	Operasi tumpaskan Panglima Pasak	<ul style="list-style-type: none">• Jumaat , lepas asar• Di LubukPasak
01:46:39	Punca kematian	<ul style="list-style-type: none">• Dibenam – 3 hari• Ditekan kayu cabang• Mati lemas – seminggu
01:49:15	Makam Panglima Pasak	Di Lubuk Pasak
01:50:39	Nilai dari mitos	<ul style="list-style-type: none">• Jangan tinggi diri• Tidak pandang rendah• Kelebihan untuk membantu
01:52:18	Cara menyebarkan mitos	<ul style="list-style-type: none">• Whatsapp• Buletin Pogoh
01:58:07	Kata-kata nasihat	<ul style="list-style-type: none">• Fokus pada matlamat• Jaga agama• Ingat asal-usul



BIODATA TOKOH



4.0 BIODATA TOKOH



NAMA : ENCIK HAJI ISWADI BIN AHMAD

UMUR : 45 TAHUN

ASAL : KAMPUNG POGOHO TENGAH, MUKIM POGOHO, SEGAMAT JOHOR

KETURUNAN : MELAYU

ALAMAT : TRIPLE I ENTERPRISE, NO 3 MEDAN SELERA PELANGI, TAMAN PELANGI, SEGAMAT

ISTERI : RUZI BINTI AHMAD

ADIK-BERADIK : 6 ORANG (ANAK KE-2)

JAWATAN SEKARANG : KETUA KAMPUNG POGOHO TENGAH (POGOHO 8)



BIODATA PENEMUBUAL



5.0 BIODATA PENEMUBUAL

Biodata Penembual 1



NAMA : NUR SYAFIQAH BINTI ZAILI

NO ID UITM : 2016648678

TARIKH LAHIR : 12 SEPTEMBER 1995

TEMPAT LAHIR : HOSPITAL PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN

NO TEL : 017-8479018

ALAMAT RUMAH : 148 JALAN KELICAP 6, TAMAN BUKIT TAMPIN, 73000 TAMPIN,
NEGERI SEMBILAN



Biodata Penemubual 2



NAMA : SHARIFAH FATIMAH BINTI SYED MOHAMED
NO ID UITM : 2016648622
TARIKH LAHIR : 16 NOVEMBER 1994
TEMPAT LAHIR : HOSPITAL MENTAKAB, PAHANG
NO TEL : 013-9108305
ALAMAT RUMAH : 18A KAMPUNG JERANG, DURIAN TIPUS, 72400 JELEBU NEGERI
SEMBILAN



SENARAI SOALAN WAWANCARA



6.0 SENARAI SOALAN WAWANCARA

- 1) Terlebih dahulu apakah nama penuh encik?
- 2) Boleh kami tahu apakah gelaran nama encik?
- 3) Jadi boleh kami panggil Tok?
- 4) Berapakah umur Tok?
- 5) Bilakah Tok dilahirkan?
- 6) Dimanakah tempat Tok dilahirkan?
- 7) Adakah Tok memang tinggal dan membesar di Kampung Pogoh ini?
- 8) Boleh Tok gambarkan keadaan di kampung semasa encik kecil?
- 9) Boleh Tok ceritakan sedikit mengenai ibu dan bapa Tok?
- 10) Siapakah nama ayah encik?
- 11) Adakah ibu bapa Tok tinggal di kawasan berdekatan atau jauh?
- 12) Berapakah bilangan adik-beradik Tok?
- 13) Tok merupakan anak yang ke-berapa?
- 14) Adakah Tok sudah mendirikan rumah tangga?
- 15) Boleh Tok ceritakan serba sedikit mengenai isteri Tok?
- 16) Boleh Tok ceritakan serba sedikit tentang keluarga Tok sekarang?
- 17) Sudah lama Tok tinggal di kediaman sekarang?
- 18) Berkaitan salahsilah keluarga, adakah Tok mempunyai darah campuran?
- 19) Boleh Tok ceritakan latar belakang pendidikan Tok?



- 20) Setelah menamatkan pengajian di UiTM, apa yang Tok lakukan?
- 21) Apakah pekerjaan Tok sekarang?
- 22) Seperti yang kita sedia maklum, Tok adalah ketua kampung Pogoh, sejak bila Tok mula menjerumuskan diri sebagai seorang ketua kampung?
- 23) Apakah faktor-faktor yang mendorong Tok untuk menjadi ketua kampung?
- 24) Tok dilantik menjadi ketua kampung oleh siapa?
- 25) Sebagai ketua kampung, berapa lamakah jangka masa yang diberikan kepada Tok untuk berkhidmat sebagai ketua kampung?
- 26) Apakah perasaan Tok ketika dilantik menjadi ketua kampung Pogoh ini?
- 27) Tok adalah ketua kampung yang ke-berapa untuk Kampung Pogoh ini?
- 28) Untuk menyandang jawatan sebagai ketua kampung, adakah terdapat sebarang kelayakan dari segi pendidikan atau ciri-ciri yang perlu diambil kira?
- 29) Dimaklumkan, Tok bekerja sendiri disamping menjadi ketua kampung. Bagaimana Tok membahagikan masa antara dua kerja tersebut?
- 30) Apakah cabaran sepanjang Tok menjadi ketua kampung?
- 31) Adakah menjadi ketua kampung adalah cita-cita Tok?
- 32) Apakah peranan Tok sebagai ketua kampung?
- 33) Adakah Tok pernah mendapat apa-apa pencapaian atau terlibat dalam apa-apa sumbangan?
- 34) Adakah encik pernah terlibat dengan apa-apa program kemasyarakatan?
- 35) Adakah encik terlibat dengan mana-mana parti politik?



- 36) Sepanjang hidup encik, pernahkah encik merantau ke negeri lain dan untuk tujuan apa?
- 37) Apakah perancangan encik untuk memajukan serta menaikkan nama Kampung Pogoh?
- 38) Ada atau tidak pelapis Tok setelah Tok bersara sebagai ketua kampung?
- 39) Pada pendapat Tok, besarkah tanggungjawab sebagai ketua kampung?
- 40) Bolehkah Tok ceritakan sedikit mengenai Kampung Pogoh ini?
- 41) Boleh Tok ceritakan mengenai sejarah Mukim Pogoh ini?
- 42) Seperti yang Tok ceritakan tadi, sejarah Kampung Pogoh yang boleh dilihat adalah Makam Tok Kali, boleh encik ceritakan mengenai Makam Tok Kali?
- 43) boleh kami tahu siapakah pengasas Kampung Pogoh?
- 44) Difahamkan, kampung pertama (bunyi selakan kertas) di dalam mukim Pogoh adalah Danau Lanjut, boleh Tok ceritakan dari manakah terciptanya nama Danau Lanjut?
- 45) Bagaimanakah sejarah awal pembentukan penempatan di Kampung Pogoh ini?
- 46) Setelah terbinanya Kampung Danau Lanjut, apakah nama kampung-kampung lain yang dibuka di mukim Pogoh?
- 47) Adakah masjid sudah mula dibina sejak adanya kampung ini?
- 48) Pada ketika ini, terdapat berapa buah masjid atau surau yang ada di Kampung Pogoh ini?
- 49) Apakah adat istiadat atau tradisi yang diamalkan oleh masyarakat di kampung ini?
- 50) Berapakah keluasan tanah di Kampung Pogoh ini?
- 51) Mengenai sejarah Kampung Pogoh, adakah masih terdapat keturunan Bugis yang masih tinggal di kampung ini?



- 52) Berapakah anggaran jarak kampung ke Bandar Segamat?
- 53) Kita akan teruskan temubual kita kepada soalan sosial. Berapakah bilangan penduduk sejak kampung ini mula dibuka?
- 54) Apakah etnik yang terdapat di Kampung Pogoh ini?
- 55) Boleh Tok ceritakan sedikit mengenai carta organisasi di kampung ini?
- 56) Adakah terdapat individu-individu yang berjaya di kampung ini?
- 57) Adakah terdapat berapa buah sekolahkah di kampung ini?
- 58) Apakah bentuk institusi pendidikan yang terdapat di sekolah tersebut?
- 59) Apakah aktiviti-aktiviti di masjid yang sering dilakukan?
- 60) Bagaimana pula dengan penglibatan penduduk di kampung ini dengan aktiviti-aktiviti di masjid?
- 61) Pada bulan Ramadhan, apakah aktiviti-aktiviti yang sering dilakukan di masjid untuk merapatkan ukhwah sesama penduduk?
- 62) Bagaimana penglibatan dan persatuan belia di kampung dengan aktiviti-aktiviti di kampung?
- 63) Adakah penglibatan tersebut hanya untuk belia kampung sahaja atau terbuka kepada belia kampung lain?
- 64) Pada pendapat Tok, apakah impak sekiranya belia bergaduh dan tidak bersatu?
- 65) Bagaimana penduduk bermesyuarah sekiranya ada masalah atau hal berkaitan kampung?
- 66) Bagi pendapat Tok, adakah program dan aktiviti yang dilakukan di kampung ini dapat mengelakkan belia dari kegiatan negatif?



- 67) Adakah Kampung Pogoh ini pernah bekerjasama dengan kampung-kampung lain untuk mengadakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan?
- 68) Dimanakah tempat yang selalu diadakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan tersebut?
- 69) Difahamkan ada terdapat pelbagai aktiviti-aktiviti dan pelbagai etnik di kampung ini, bagaimana perpaduan antara satu sama lain?
- 70) Bagaimanakah agihan tugas apabila ada program yang ingin dilakukan?
- 71) Adakah Kampung Pogoh ini pernah terlibat atau pernah disiarkan di televisyen?
- 72) Adakah kampung ini pernah mendapat apa-apa sumbangan dari orang luar?
- 73) Kemungkinan terdapat beberapa keluarga yang kurang berpendapatan di kampung ini. Apakah sumbangan yang diberikan untuk membantu keluarga tersebut?
- 74) Pernahkah Kampung Pogoh ini dilanda banjir?
- 75) Dimanakah kawasan yang kerap berlaku banjir?
- 76) Bilakah tahun banjir yang paling besar pernah tercatat?
- 77) Berapakah jumlah mangsa banjir yang paling ramai tercatat? Tahun bilakah?
- 78) Adakah pernah terjadi kes-kes mangsa yang meninggal dunia akibat banjir?
- 79) Menurut Tok, apakah punca sering terjadinya banjir di Kampung Pogoh ini?
- 80) Adakah Kampung Pogoh ini mendapat sumbangan dari pihak kerajaan ketika berlakunya banjir?
- 81) Sekiranya berlaku banjir besar di kampung lain, adakah Kampung Pogoh ini turut sedia membantu menyediakan tempat perlindungan dan sumbangan kepada mereka?
- 82) Sekiranya penempatan bagi mangsa banjir tidak mencukupi, adakah Tok bercadang untuk membuka penempatan atau dewan baru untuk mangsa banjir?



- 83) Pada pendapat Tok, dimanakah lokasi yang sesuai bagi penambahan pusat pemindahan banjir?
- 84) Selain banjir, adakah berlaku kes-kes yang lain seperti jenayah atau musibah?
- 85) Menurut encik, apakah tindakan yang patut AJK-AJK kampung atasi jika adanya masalah seperti ini?
- 86) Boleh Tok ceritakan keadaan bentuk muka bumi di kampung Pogoh ini samada berbukit, landai, atau jalan yang sempit?
- 87) Boleh Tok jelaskan adakah terdapat apa-apa projek ekonomi di kampung Pogoh ini?
- 88) Pada waktu ini apakah jenis ekonomi yang dijalankan di Kampung Pogoh?
- 89) Secara purata, boleh Tok klasifikasikan dan nyatakan kedudukan ekonomi penduduk-penduduk di kampung ini? Samada miskin, sederhana atau berada.
- 90) Adakah Kampung Pogoh ini mempunyai perusahaan sendiri?
- 91) Apakah bangunan terawal yang mula dibina di Kampung Pogoh?
- 92) Apakah perubahan yang dapat dilihat di kampung ini dari mula dibina sehingga sekarang?
- 93) Apakah kemudahan-kemudahan yang terdapat di kampung ini?
- 94) Apakah tujuan kemudahan tersebut?
- 95) Apakah kemudahan pengangkutan yang digunakan di kampung ini sebelum jalan raya dibina?
- 96) Apakah mercu tanda atau infrastruktur yang menjadikan kampung ini menarik?
- 97) Apakah kawasan tarikan yang menarik di Kampung Pogoh ini?
- 98) Bolehkah Tok menjelaskan struktur pembinaan kampung dari permulaan sehingga kini?



- 99) Adakah kampung ini pernah terpilih untuk mengadakan program-program ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan?
- 100) Apakah sumbangan kampung ini terhadap pembangunan ekonomi Negara?
- 101) Apakah perancangan untuk menambah infrastruktur di kampung ini?
- 102) Dari manakah kampung ini mendapat dana serta sumbangan biaya bagi pembaharuan pembangunan di masa yang akan datang?
- 103) Adakah Kampung Pogoh ini pernah dijajah?
- 104) Boleh Tok ceritakan serba sedikit mengenai mitos atau cerita dongeng rakyat mengenai Kampung Pogoh ini?
- 105) Seperti yang Tok ceritakan, mitos kampung ini berkait dengan Pahlawan Panglima Pasak, masihkah ada keturunan Panglima Pasak yang masih hidup dan tinggal dikampung ini?
- 106) Boleh Tok ceritakan sedikit mengenai Panglima Pasak dan siapakah beliau?
- 107) Bagaimanakah Panglima Pasak boleh berada di kampung ini?
- 108) Adakah Panglima Pasak merupakan penduduk setempat di kampung ini?
- 109) Apakah sebab Panglima Pasak menjadi penduduk setempat di kampung ini?
- 110) Adakah kehadiran Panglima Pasak diterima baik oleh penduduk kampung pada ketika itu?
- 111) Panglima Pasak berasal dari etnik apa?
- 112) Difahami kelakuan Panglima Pasak mulai berubah setelah beberapa tahun, apakah punca kelakuan beliau berubah?
- 113) Apakah kehebatan dan kekuasaan sakti yang dimiliki oleh Panglima Pasak?
- 114) Adakah Panglima Pasak menyalahgunakan kuasanya?



- 115) Apakah nama tempat yang sering dikunjungi oleh Panglima Pasak?
- 116) Boleh Tok ceritakan apa yang Tok tahu mengenai Bukit Piatu dan Sungai Kenawar tersebut?
- 117) Apakah yang sering dilakukan oleh Panglima Pasak apabila mengunjungi tempat tersebut?
- 118) Apakah punca yang menyebabkan penduduk kampung tidak berani menentang Panglima Pasak?
- 119) Apakah ikhtiar yang dilakukan oleh penduduk kampung untuk menentang Panglima Pasak?
- 120) Pada waktu bilakah mereka melakukan operasi menumpaskan Panglima Pasak?
- 121) Apakah punca kematian Panglima Pasak?
- 122) Dimanakah makam Panglima Pasak?
- 123) Menurut Tok, apakah nilai yang boleh diambil daripada cerita mitos ini?
- 124) Menurut Tok, bagaimanakah cara untuk menyebarkan cerita mitos ini kepada generasi yang akan datang?
- 125) Sebagai penutup, apakah kata-kata nasihat yang boleh Tok katakan?



RALAT



SENARAI RUJUKAN



7.0 RALAT

Ketika temubual ini dijalankan, terdapat beberapa jenis ralat yang tidak dapat dielakkan. Berikut adalah beberapa jenis ralat yang telah dirakamkan secara tidak langsung.

- Bunyi ketawa
- Bunyi berdehem
- Bunyi selakan kertas
- Bunyi Azan
- Bunyi bising
- Bunyi kereta
- Bunyi pen
- Bunyi motor
- Bunyi besi
- Bunyi siling

Walau bagaimanapun, temubual kami bersama Encik Hj Iswadi bin Ahmad berjalan dengan lancar dan dengan jayanya. Ralat tersebut tidak mengganggu kerana suara Encik Hj Iswadi masih boleh didengari.

8.0 SENARAI RUJUKAN

Drs. Ungku Mohd Zaman Tahir (1996), *Segamat sejarah dan mitos*, Kelantan: Al-Kafilah Enterprise.

Hj Iswadi bin Ahmad (2017, December 17). *Ditemuramah* oleh Sharifah Fatimah binti Syed Mohamed, & Nur Syafiqah bt Zaili. Johor: Universiti Teknologi Mara Segamat.



NAMA SINGKATAN



9.0 NAMA SINGKATAN

Terdapat singkatan perkataan sepanjang sesi temubual yang dijalankan Encik Hj Iswadi bin Ahmad tentang sejarah Kampung Pogoh. Antaranya adalah:

Nama Singkatan	Nama Penuh
ADO	Assistant District Officer
JKK	Jawatankuasa Kampung
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
JPAM	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
KBB	Kewangan Bersatu Berhad
NGO	Non-Government Organization
OKU	Orang Kurang Upaya
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
RELA	Jabatan Sukarelawan Malaysia
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
YB	Yang Berhormat



KRONOLOGI

**10.0 KRONOLOGI**

No	Tarikh & Masa	Aktiviti	Orang yang terlibat
1	18/9/2017 10.00 a.m	Membentuk ahli kumpulan seramai 2 orang: 1. Nur Syafiqah bt Zaili 2. Sharifah Fatimah binti Syed Mohamed	Syafiqah dan Fatimah
2	28/9/2017 11.00 a.m	Berbincang mengenai topik dan tema bagi projek berkumpulan.	En. Zul Azmi, Syafiqah dan Fatimah
3	5/10/2017 2.00 p.m	Mencari dan mengumpul maklumat mengenai kampung yang dipilih melalui carian laman web.	Syafiqah dan Fatimah
4	6/10/2017 3.00 p.m	Membuat penyelidikan awal ke Kampung Pogoh dan mencari siapakah Ketua Kampung bagi kawasan itu.	Syafiqah dan Fatimah
5	10/11/2017 10.00 a.m	Sesi temubual: 1. Membuat panggilan telefon dengan Encik Iswadi bin Ahmad 2. Berbincang memilih tarikh sesuai bagi untuk temuduga awal	Syafiqah dan Fatimah, En. Iswadi
6	11/11/2017 10.00 a.m	Temubual awal bersama En. Iswadi bin Ahmad (Ketua Kg Pogoh Tengah) mengenai sejarah Kampung Pogoh di pejabat beliau, Triple I Enterprise, No 3 Medan Selera Pelangi, Taman Pelangi, Segamat.	Syafiqah dan Fatimah, En. Iswadi
7	04/12/2017 10.00 a.m	Berbincang bersama pensyarah di kelas mengenai soalan-soalan yang telah dirangka selepas perjumpaan pada	En. Zul Azmi, Syafiqah dan Fatimah



		temubual pertama bersama Ketua Kampung Pogoh.	
8	9/12/2017 2.00 petang	Menghantar soalan-soalan yang telah siap kepada En. Iswadi bin Ahmad iaitu Ketua Kampung Pogoh	Syafiqah dan Fatimah, En. Iswadi
9	17/12/2017 4.00 p.m	Temubual sebenar berdurasi 2 jam bersama En Iswadi bin Ahmad telah diadakan di Triple I Enterprise, No 3 Medan Selera Pelangi, Taman Pelangi, Segamat	Syafiqah dan Fatimah, En. Iswadi
10	17/12/2017 8.00 p.m	Membuat transkrip	Syafiqah dan Fatimah
11	18/12/2017 7.00 a.m	Membuat transkrip	Syafiqah dan Fatimah
12	19/12/2017 7.00 a.m	Membuat transkrip, log temubual dan lain-lain	Syafiqah dan Fatimah
13	19/12/2017 4.00 p.m	Membuat kulit keras transkrip	Syafiqah dan Fatimah
14	21/12/2017	Menghantar transkrip kepada pensyarah	En. Zul Azmi, Syafiqah dan Fatimah



LAMPIRAN



10.0 LAMPIRAN



Gambar 1: Gambar bersama Encik Hj Iswadi bin Ahmad, Ketua Kampung Pogoh



Gambar 2: Papan Tanda Kampung Pogoh Tengah



Gambar 3: Papan Tanda Kampung Pogoh Tengah



Gambar 4: Komplek Penghulu Mukim Pogoh Segamat



Gambar 5: Klinik Desa Kampung Pogoh



Gambar 6: Masjid Wawasan Pogoh, Kampung Pogoh



Gambar 7: Surau Al-Hidayah, Kg Kenawar



Gambar 8: Sekolah Kebangsaan Pogoh



Gambar 9: Sekolah Agama Pogoh



Gambar 10: Balai raya baru di Kampung Pogoh



Gambar 11: Papan tanda Lubok Selumar



Gambar 12: Sungai Lubok Selumar



Gambar 13: Kemudahan jembatan di Lubok Selumar



INDEKS



INDEKS

A

Adun, 30,40,41,63

Ali As-Siddiq, 52

B

Bugis, 11,24,25,44,45,51,70

Buletin Pogoh, 54

Bunian, 48,49,50, 63

C

Cawangan, 13, 18, 60

D

Dongeng, 43

E

Executive, 12

F

Fakta-fakta, 5

Faks, 1

G

Generasi, 4, 5, 20, 54

Geran, 39

Geng-geng, 39, 43, 74

I

Industri 35, 36

J

Jumaat 26, 52, 64

Jabatan Pengairan, 41, 53

K

Kahwin 45, 46, 48, 49

Kampung Abdullah, 42,43

Kerajaan Pusat, 33, 40, 63

Klinik 37,38,63,82

L

Lubok Selumar, 7, 20, 23, 31, 85, 86

Lubok Keladan, 53

M

Masjid, 14,16,17

Muara, 36

N

Negara, 1, 39, 57, 63

Nelayan Darat, 36, 62

O

OKU, 13, 77

P

PTPTN, 57

Panglima Siddiq, 52

Polis 34, 49, 50

Pusat pemindahan banjir, 17,33,34,37

Q

Quran, 15, 24, 26, 62

R

Rela, 33

S

Sekolah Dato' Wan Idris, 12

Sekolah Tinggi Segamat, 12

Sungai Segamat, 32

T

Tanah Wakaf 17, 21, 53

Triple I Enterprise 8, 12, 59, 65, 78, 79

U

UiTM Segamat, 12

V

Viral, 56

W

Wakaf, 17, 21, 53

Wawasan Pogoh, 27, 83

Y

YB Ayub, 20, 41

Z

Zaman, 3, 4, 28, 42, 43, 51, 57, 76
